

BAB 4

PERCIKAN PANJI DI DALAM KARYA-KARYA NARATIF MELAYU KLASIK

4.1. TEMA TEKS-TEKS NARATIF MELAYU KLASIK PERCINTAAN, PENGEMBARAAN DAN PEPERANGAN.

(a) Percintaan

Tema adalah pokok persoalan atau gagasan yang ingin disampaikan oleh pengarang di dalam sesebuah cerita. Tema menjadi panduan bagi pengarang untuk memilih bahan-bahan di dalam cerita dan menyusunnya.¹ Tema hanya dapat disimpulkan oleh khalayak setelah mereka membaca atau mendengar keseluruhan cerita. Pemilihan tema oleh pengarang Melayu tradisional mahupun moden seringkali dipengaruhi oleh sekitaran yang melingkari kehidupan mereka. Pengarang-pengarang tradisional lazimnya lebih gemar memilih tema-tema yang berakarkan moral pendidikan sebagai persoalan.

Cerita-cerita Panji merupakan sekumpulan kisah-kisah percintaan dengan menitikberatkan persoalan tanggungjawab dan kesetiaan. HMTJK umpamanya mengisahkan percintaan di antara Raden Galuh Cendera Kirana dan Raden Inu Kertapati. Raden Inu yang merasa bersalah dan bertanggungjawab di atas kehilangan Raden Galuh telah keluar mengembara mencari kekasihnya itu. Pengembaraan Raden Inu kemudian diikuti oleh saudara-saudara terdekat mereka. Rasa tanggungjawab di sini lahir kerana adanya ikatan persaudaraan yang kuat.

¹. Hashim Awang. 1984. **Glosari Mini Kesusaasteraan**. Fajar Bakti.P.J.hal.92

Di dalam teks-teks pilihan pengkaji, tema yang sama juga diperlihatkan oleh pengarang Melayu umpamanya di dalam cerita-cerita SDS, SA dan HMD lain-lainnya. Di dalam SDS; watak utamanya Dandan Setia sanggup mengharungi lautan dan ditelan oleh seekor buaya semata-mata mahu mengikut Intan Terpilih yang terpaksa dilayarkan ke laut lepas kerana telah diambil nyawanya oleh ayahandanya di kayangan. Selepas menjumpai Intan Terpilih dan memenangi peperangan dengan Syah Beranda Indera, Dandan Setia sekali lagi terpaksa mengembara mencari Intan Terpilih setelah cembul hikmat di mana puteri itu disimpan telah jatuh ke tangan Bujang Mara Putera, putera Sultan Cakeram Dewa dari negeri Telaga Rakna. Pengembaraan Dandan Setia pada kali ini telah dibantu oleh seorang dewa iaitu Dewa Indera Syahperi, sepupu Intan Terpilih. Indera Syahperi sanggup membantu Dandan Setia kerana merasakan bahawa dirinya lah yang bertanggungjawab menyebabkan Intan Terpilih dan Dandan Setia terpisah dan menghadapi pelbagai rintangan. Ini kerana dialah punca yang menyebabkan ayahanda Intan Terpilih mengambil kembali nyawa anakandanya itu dan menyebabkan dia terpaksa dilayarkan ke lautan.

Begitu juga di dalam SA, Agung terpaksa keluar mengembara setelah Cahaya Keinderaan yakni tunangannya diculik oleh Sultan Agas Beranta. Sama seperti Dandan Setia, Agung juga pada mulanya mengembara seorang diri tanpa diiringi oleh penakawan-penawakan serta pengikut yang ramai seperti yang lazim ditemui di dalam cerita-cerita Panji. Umpamanya di dalam HMTJK, Raden Inu disertai oleh penakawan-penakawannya iaitu Semar, Jerude dan Punta. Mereka juga disertai

oleh rakyat jelata yang ramai. Begitu juga Raden Galuh ditemani oleh pengiring-pengiringnya. Di dalam **SA**, hanya selepas Agung ditawan oleh hantu kayuan, saudaranya Halam Pahlawan datang mencari dan membantunya. Pengembaran mereka kemudian disertai oleh Sulung Mahkota dan Usul Terjali setelah Agung dan Halam menyelamatkan mereka. Pengembaran Agung sama seperti yang dilakukan oleh Raden Inu mahupun Dandan Setia yakni kerana adanya rasa cinta yang mendalam terhadap tunangan masing-masing.

Jika Raden Inu, Agung dan Dandan Setia mengembara kerana tunangan mereka hilang akibat diculik atau atas kehendak dewa-dewa di kayangan, Malim Deman (**HMD**) dan Indera Bumaya (**HLLB**) pula terpaksa mengembara kerana mahu mencari puteri-puteri seperti yang dilihat di dalam mimpi mereka. Malim Deman mengahwini Puteri Bongsu setelah bertemu di rumah Nenek Kebayan. Namun begitu rumahtangga mereka bergoncang apabila Malim Deman asyik berjudi dan berfoya-foya dengan gundiknya Si Kembang Cina. Puteri Bongsu bersama-sama anakandanya Malim Dewana kemudianya melarikan diri ke kayangan setelah merasakan Malim Deman tidak memerlukan mereka. Kehilangan isteri dan anakanda baginda ini menyebabkan Malim Deman sedar dan insaf lalu memulakan pengembaran buat kedua kalinya untuk mencari isteri dan anaknya itu. Demi kasihnya terhadap Puteri Bongsu dia sanggup berperang dengan tunangan Puteri Bongsu iaitu Mambang Molek.

Begitu juga dengan Indera Bumaya di dalam **HLLB** yang terpaksa keluar mengembara setelah mendapat mimpi tentang Tuan Puteri Kesuma Dewi. Di dalam perjalanan mencari tuan puteri itu, Indera Bumaya terpaksa menempuh pelbagai rintangan dan dugaan. Dia terpaksa berperang dengan tunangan tuan Puteri Cahaya Norlela iaitu Johan Syahperi. Namun begitu baginda tidak pernah berputus asa malah sentiasa berada di pihak yang menang berkat pertolongan Langlang Buana dan para dewa yang lain. Baginda juga ditolong oleh Johan Shahperi sepanjang pengembaraannya di kayangan.

Dalam **SSZ**, terdapat tema yang sama yakni cinta sejati yang menuntut kepada pengorbanan dari salah satu pihak. Dalam hal ini wirawati syair ini telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dan kekasih yang setia. Siti Zubaidah telah keluar mengembara untuk menuntut bela dan membebaskan suaminya, Sultan Zainal Abidin dari tawanan para puteri China. Sebelum itu, semasa di negeri Kembayat dia sanggup menerima segala hinaan dari mertua dan madunya semata-mata demi cintanya kepada suaminya yang tersayang.

Satu lagi ciri yang perlu diberikan perhatian di dalam motif percintaan cerita Panji ialah watak wira dan wirawatinya yang mempunyai hubungan persaudaraan iaitu sepupu. Di dalam **HMTJK** bapa kepada kedua-dua watak utama ini adalah bersaudara iaitu anak kepada Betara Naya Indera yang turun ke Tanah Jawa bagi menggantikan Pandawa yang telah kembali ke kayangan. Ayahanda Raden Inu merupakan saudara tua yang memerintah negeri Kuripan sementara

ayahanda Raden Galuh pula menjadi Betara di Daha. Mereka telah ditunangkan semenjak kecil lagi oleh kedua orang tua mereka.

Jika disusul di peringkat yang lebih awal yakni sebelum penjelmaan ke dunia, kedua-dua watak wira dan wirawati ini adalah sepasang suami isteri iaitu Betara Kerma Jaya dan Dewi Segerba Indera. Sementara di dalam **HCWP** hubungan wira dan wirawati adalah sebagai saudara kembar yakni Dewa Indera Kamajaya dan Dewi Nila Kencana. Dewi Nila Kencana telah dipelihara oleh bapa saudaranya yang tidak mempunyai cahaya mata. Apabila mereka telah dewasa, mereka saling jatuh cinta walaupun mengetahui bahawa mereka tidak boleh berkahwin kerana adanya ikatan darah. Oleh kerana kasihan dan simpati melihat percintaan mereka yang tiada penghujungnya itu, ayahanda mereka, Betara Naya Kesuma telah mensetui mereka ke dunia. Dewa Indera Kamajaya menjadi Raden Inu di Kuripan sementara Dewi Nila Kencana sebagai Raden Galuh di Daha.

Kisah percintaan dua sepupu ini dapat dikesan pada cerita **SDS** dan **SA**. Di dalam **SDS**, Dandan Setia adalah anak kepada Sultan Mendam Perasat dan Intan Terpilih pula anak kepada adinda baginda iaitu Sultan Perdana Syah di negeri Karang Bersulam. Sementara di dalam **SA** pula, Agung dan Cahaya Keinderaan telah saling mengenali kerana dilahirkan oleh dua ekor haiwan yang bersahabat baik iaitu kambing dan kijang.

Watak-watak wira dan wirawati di dalam SDS tidak mempunyai sebarang pertalian di peringkat yang lebih awal kerana hanya watak wirawatinya iaitu Puteri Gemala Sakti (Intan Terpilih) sahaja yang merupakan anak Dewa di kayangan. Dia diturunkan ke dunia kerana ayahandanya bimbang akan terjadi perperangan akibat daripada perebutan puteri tersebut sesama mereka.

Sebaliknya perhubungan Agung dan Cahaya Keinderaan adalah lebih mendekati cerita-cerita Panji kerana watak wira dan wirawatinya mempunyai hubungan sebagai saudara sepupu semenjak dari alam kayangan lagi. Keduaduanya adalah cucu kepada Betara Gangga, Agung putera kepada Betara Indera dan Cahaya Keinderaan pula adalah puteri kepada Betara Udara.

Sementara di dalam cerita-cerita lipurlara yang dikaji, unsur percintaan antara dua sepupu ini tidak kelihatan. Malah watak heronya merupakan anak seorang manusia biasa dan bukannya penjelmaan dewa seperti yang lazimnya ditemui di dalam cerita-cerita Panji. Malim Deman jatuh cinta dengan puteri yang hadir di dalam mimpinya dan berkahwin setelah mereka bertemu di rumah nenek Kebayan.

Umumnya kisah percintaan di dalam cerita-cerita Panji terutama cerita Panji yang awal sering memaparkan tentang unsur 'Angreni' yakni wujudnya wanita lain sebagai kekasih pertama Panji sebelum putera raja itu jatuh cinta dan berkahwin dengan Raden Galuh. Di dalam **HMTJK**, Raden Inu yang bertindak memutuskan pertunangannya dengan Raden Galuh telah berkahwin dengan Raden Lasmi Ningrat, puteri Betara Singasari. Tindakan Raden Inu memutuskan pertunangannya dengan Raden Galuh semata-mata kerana percaya bahawa Raden Galuh hodoh setelah melihat gambar Raden Galuh yang dilukiskan oleh Semar, tanpa mengetahui ia adalah gara-gara Dewa Durga Sakti. Raden Inu menolak dikahwinkan dengan Raden Galuh dan hanya mahu menganggap Raden Galuh sebagai saudara kandungnya sendiri.

Jika diteliti pada teks-teks kesusasteraan Melayu klasik yang dikaji, episod yang hampir sama ditemui di dalam cerita **SDS**, **SA** dan **HMD**. Umpamanya Dandan Setia menolak permintaan ibu bapanya untuk disatukan dengan Intan Terpilih kerana kehodohan wajah puteri itu. Dandan Setia kemudian dikahwinkan dengan Intan Terserlah yakni anak saudara bondanya. Kisah di dalam **SDS** ini lebih mendekati episod 'Angreni' cerita-cerita Panji kerana Dandan Setia jatuh cinta terhadap Intan Terpilih hanya setelah melihat kecantikan sebenar wajah puteri tersebut.

Seandainya Raden Inu sanggup memasuki kamar Raden Galuh dan menyembunyikan puteri tersebut di sebuah gua semata-mata kerana berahikan puteri tersebut (HMTJK); Dandan Setia pula telah jatuh pengsan setelah melihat wajah sebenar Intan Terpilih. Dia juga sanggup memasuki kamar Intan Terpilih tanpa rasa malu kepada kedua ibu bapanya. Malah baginda langsung tidak pulang ke istana isterinya, Intan Terserlah.

Sedikit kelainan ditemui di dalam SA kerana Agung memang mencintai Cahaya Keinderaan sejak dari kecil lagi. Dialah yang bertanggungjawab memelihara dan membesarkan puteri tersebut selepas kematian kedua-dua 'ibu tumpang' mereka yakni kambing dan kijang. Namun di dalam pengembaraannya mencari Puteri Cahaya Keinderaan yang diculik oleh Sultan Agas Beranta Indera, dia telah bertemu dengan Puteri Seroja Seri di dalam sebuah gua. Pertama kali berpandangan dengan Puteri tersebut Agung telah jatuh cinta dan atas desakan kawan-kawannya dia sanggup mengingkari janjinya sendiri untuk tidak menyentuh wanita lain selain Cahaya Keinderaan. Dia telah meniduri puteri tersebut sehingga menyebabkan puteri itu hamil dan melahirkan seorang putera iaitu Ambong Putera. Oleh kerana takut dimurkai oleh ayahanda baginda, Puteri Seroja Seri telah membuang putera tersebut yang kemudian dijumpai dan dipelihara oleh Raja Auzrang. Dalam hal ini, Puteri Seroja Seri bukanlah 'Angreni' kerana dia bukanlah merupakan wanita pertama yang dicintai oleh Agung. Dia hanyalah sebagai orang ketiga yang hadir di antara Agung dan Cahaya Keinderaan. Agung juga selepas kejadian itu kelihatan seolah-olah amat

menyesal kerana memungkiri janji. Namun begitu, Puteri Seroja Seri menjadi wanita pertama ditiduri oleh Agung.

Sementara kisah HMD pula lebih mendekati realiti alam Melayu. Baginda Malim Deman tidak pernah jatuh cinta terhadap wanita lain sebelum bertemu Puteri Bongsu. Namun begitu baginda mempunyai seorang gundik yang amat disayanginya iaitu Si Kembang Cina. Hubungan peribadi di antara mereka agak erat, namun tidak pasti sama ada Malim Deman ada menyimpan perasaan cinta terhadapnya ataupun tidak. Walaupun begitu ketika hendak meninggalkan istana untuk mengembara mencari puteri Bongsu, Malim Deman bersedih kerana terpaksa meninggalkan Si Kembang Cina.

"Maka Tuanku Malim Deman pun menyembah ayahanda
baginda serta turun kembali ke istananya di anjung perak sambil
bergurau senda dengan si Kembang Cina. Maka menangislah si
Kembang Cina seraya berpantun:

Zaman dahulu bertikar pucuk,
zaman ini tikar mengkuang;
zaman dahulu kita dipujuk,
zaman ini kita dibuang.

Mengkuang konon kayu petani
tersandar kepada kayu kelat;
terbuang sudah rupanya kami,
bagaikan ikan di luar belat.

Maka di balas pula oleh tuanku Malim Deman, demikian bunyinya:

Jangan berpauh-pauh padi,
ada biduk serempu pula;
jangan berjauh-jauh hati,
asal hidup bertemu juga.

Batang selasih permainan budak,
daun selasih dimakan kuda;
bercerai kasih talak tidak
seribu tahun bertemu juga.²

Begitulah juga selepas kematian ayahanda baginda, Malim Deman telah engabaikan Puteri Bongsu dan leka berfoya-foya dengan Si Kembang Cina. elakuan baginda ini berterusan sehingga anakanda baginda, Tuanku Malim ewana pandai berjalan jatuh. Hanya setelah isterinya Puteri Bongsu membawa uanku Malim Dewana kembali ke kayangan, Malim Deman insaf dan menyesal di tas segala perakuannya itu.

(b) Pengembaraan dan Peperangan

Pengembaraan menguasai hampir separuh daripada jalan cerita yang likisahkan di dalam cerita Panji. Faktor penting yang mendorong watak-watak itamanya mengembara seperti yang sedia dimaklumi ialah kehilangan kekasih atau unangan mereka. Pengembaraan wira/wati ini diikuti oleh saudara-saudara serta para pengikut mereka. Semasa pengembaraan ini jugalah berlakunya satu unsur penting cerita Panji iaitu babak-babak peperangan dan penyamaran. Di dalam HMTJK, Raden Inu keluar mengembara bersama pengikut-pengikutnya setelah Raden Galuh hilang dari tempat persembunyiannya. Pada mulanya Raden Inu menyamar sebagai Agar Ragapati. Kemudian apabila Betara Indera turun dari

² Pawang Ana.1987. **Hikayat Malim Deman**. Fajar Bakti. P.Jaya.hal.15-16

kayangan menitahkannya berhenti bertapa, Raden Inu dan Raden Carang Tinangluh telah menukar nama sekali lagi dengan memakai nama **Misa Jayeng Kesuma Sira Panji Jayeng Seteru** dan **Kelana Anom Perwira**. Suatu hal yang perlu diberi perhatian ialah penyamaran ini bukan hanya dilakukan oleh watak-watak utamanya sahaja tetapi juga turut diikuti oleh para pengikutnya seperti yang digambarkan di dalam episod berikut :-

"...dan kakang Jerude bernama Wirun dan kakang Kertala bernama Kalang dan kakang Semar bernama Sendubama dan Turasa bernama Bagus Cali dan Kertasina bernama Mangun Yuda dan kakang Merta Negara bernama Kuda Merta Wangsa...."³

Di dalam kesusasteraan Melayu klasik memang telah wujud unsur-unsur pengembalaan terutamanya di dalam cerita-cerita lipurlara yang mana unsur ini merupakan salah satu unsur yang penting.⁴ Watak-watak utama cerita lipurlara akan keluar mengembara untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati, sama ada mencari puteri yang dimimpikannya atau barang-barang berharga seperti ubat-ubatan dan seumpamanya. Wira lipurlara juga sering ditemani oleh pengikutnya yang setia seperti Bujang Selamat.

³ .Abd. Rahman Kaeh, 1985. *Hikayat Misa Taman Jayeng Kesuma*. DBP.KL.hal.103

⁴ .lihat A.H. Krappe(1930) yang menyatakan salah satu ciri cerita lipurlara ialah watak-watak utama mengalami satu siri pengembalaan.

Cerita Sulung Jawa memperlihatkan unsur ini dengan jelas. Terung pipit mengembara bersama-sama saudaranya untuk tujuan menuntut bela terhadapa kematian ayahanda mereka dan kemudian berusaha pula mencari mas kahwin Tuan Puteri Selindung Bulan Cahaya Nurani. Jika di dalam cerita Panji watak-watak utama sering dibantu oleh Betara Kala maka di dalam CSJ, Terung Pipit dan adik-adiknya dibantu oleh Tuan Puteri Selindung Bulan Kayangan Udara.

Walaupun begitu seringkali juga watak-watak utama cereka Melayu mengembara bersendirian. Di dalam HMD, pada peringkat awal pengembaraannya baginda Malim Deman disertai oleh para pengiring yang ramai' "diiringkan Bujang Selamat dan Si Kumbang dengan segala orang besar-besar, rakyat tentera, terlalu ramainya menuju ke hulu Bandar Muar."⁵ Namun begitu akibat perjalanan yang terlalu jauh dan sukar, para pengikutnya mati di dalam perjalanan itu. Baginda Malim Deman tiba di rumah Nenek Kebayan seorang diri di dalam keadaan yang amat daif. Babak penyamaran berlaku apabila Malim Deman mengintip Puteri Bongsu dan kekanda-kekandanya sedang mandi.

"Maka Tuanku Malim Deman pun segeralah pergi merupakan dirinya orang tua yang teramat buruknya membawa sebaur kail lalu mengendap perlahan-lahan dekat ke tempat kain layang dan baju layang Tuan Puteri Bongsu itu."⁶

⁵ .Pawang Ana;op.cit;hal.16

⁶ ibid.hal.28

Babak penyamaran juga berlaku semasa pengembaran kali kedua baginda menjelaki Puteri Bongsu ke kayangan. Ketika tiba di kayangan Malim Deman menyamar sebagai Malim Permainan dan dengan cara ini baginda dapat bertemu dan memikat hati anakanda baginda Tuanku Malim Dewana. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh baginda telah menyakinkan bapa Puteri Bongsu bahawa menantunya itu telah menyesali perbuatannya yang terdahulu. Oleh kerana itu baginda merestui anakanda baginda kembali bersatu dengan Malim Deman.

Inderaputra (HIP) juga mengembara bersendirian tanpa ditemani oleh para sahabat dalam usahanya mencari ubat beranak untuk Raja Syahian. Di dalam pengembaraan untuk menemui Berma Sakti yakni orang tua pertapa yang mengetahui ubat beranak tersebut, Inderaputra telah menghadapi pelbagai rintangan. Dalam pengembaraannya itu, Inderaputra sentiasa menyebut namanya yang sebenar. Hanya ketika di negeri Zainon, dia meminta Malik Zahab menyembunyikan identitinya yang sebenar kerana khuatir mendapat bencana daripada putera-putera raja yang tidak dapat meminang Tuan Puteri Talela Madu Ratna.

"Setelah itu maka ujar oleh Inderaputra "Hai mamaku, jikaudapat namahamba janganlah memandama syurhurkan pada segala anak-anak itu. Jikalau sudah keluar dari negerinya nescaya kuranglah hormatnya kepada yang lain"⁷

Inderaputra amat merendah diri (menyebut dirinya 'dagang yang gharib') apatah lagi apabila terkenangkan ibu bapanya yang jauh. Setelah mendapat ubat beranak tersebut dan kembali kepada Raja syahian, Inderaputra sentiasa dimusuhi oleh anak-anak raja yang lain kerana mahu mengambil gemala sakti yang dimiliki oleh Inderaputra. Di sinilah berlakunya babak-babak penyamaran yang dilakukan oleh ketiga-tiga isteri Inderaputra. Setiap kali Inderaputra dibunuh, mereka keluar dari cembul sakti yang menyimpan mereka, lalu menyamar sebagai lelaki dan mencari mayat Inderaputra.

"Hatta maka puteri di dalam cembul itu pun tahu akan Inderaputra sudah mati itu. Maka puteri itu pun keluarlah memakai seperti laki-laki seraya berjalan mencari Inderaputra itu. Arakan maka tubuh Inderaputra yang terpenggal itu pun bertemu dengan puteri ketiga itu... Setelah itu maka dibawa masuk ke dalam kelambu oleh tuan puteri yang ketiga itu lalu dibubuhnya hikmat bedi zahar itu kepada tubuh Inderaputra itu. Maka dengan ditolongi oleh Tuhan Yang Mahabesar akan Inderaputra pun hiduplah"⁸

⁷. Khalid Hussein.1975. **Hikayat Inderaputra** .DBP.KL.hal.99

⁸.ibid.hal.195-196

Petikan di atas juga memperlihatkan satu lagi unsur yang seringkali ditemui dalam cerita Panji iaitu watak yang mati dapat dihidupkan kembali dengan hikmat atau pertolongan dewa. Umpamanya dalam **HAP**, Ken Tambuhan dan Panji telah dihidupkan kembali oleh Betara Kala setelah Raja Daha bertapa memohon mereka dihidupkan. Inderaputra mengakhiri pengembaraannya setelah berkahwin dengan Tuan Puteri Mengindera Seri Bulan dan kembali ke negerinya Semanta Pura.

Wira **SCP**, Raden Kesuma Pengerta mengembara seorang diri dengan menyamar sebagai Cendawan Putih. Kemudian dia telah diangkat menjadi Raja di Tanjung Pura kerana telah berjaya membantu Raja Dewa Syahperi menewaskan Dewa Syamsu. Dalam episod yang lain setelah bertemu dengan kekandanya Raden Kesuma Wati dan mengetahui bapanya sakit, Cendawan Putih sekali lagi mengembara untuk mencari telur merpati putih. Pada masa yang sama Puteri Pelinggam Cahaya juga mencari telur tersebut untuk mengubati ayahandanya. Pada mulanya puteri tersebut menyamar sebagai seorang lelaki (**Mambang Kaca Merata**); tetapi apabila diberitahu oleh singa tua bahawa tiada siapa yang boleh mengambil telur itu kecuali Raden Pahlawan (Cendawan Putih), puteri itu menamatkan penyamarannya.

Pengembaraan dalam cerita **SCP** ini bukan hanya dilakukan oleh watak utamanya tetapi juga oleh anakanda baginda, Raden Panji Dewa. Baginda telah mengembara untuk meluaskan pengalaman dengan ditemani oleh kera putih. Pengembaraan ini berbeza sama sekali dengan siri-siri pengembaraan cerita Panji

atau cerita lipurlara kerana tidak mempunyai motif untuk mencari sesuatu. Peperangan-peperangan yang berlaku pada bahagian kedua cerita ini bukan lagi kerana mahu menakluk negeri lain, atau membantu raja-raja yang di dalam kesusahan, sebaliknya hanya kerana mahu merebut seorang wanita.

Pengembalaan Siti Zubaidah (**SSZ**) lebih mirip kepada yang sering ditemui dalam cerita Panji. Walaupun pada peringkat awal sewaktu keluar dari istana dia tidak ditemani oleh sesiapa, tetapi kemudian Siri Rukiah sanggup menemaninya mencari ZA di negeri China. Mereka telah menyamar sebagai lelaki dengan memakai nama Syahar Pahlawan dan Nahar Pahlawan. Kemudian mereka masuk ke negeri China dengan menyamar sebagai pemain muzik dan penari. Setelah selesai misi membala dendam terhadap kerajaan Cina, barulah Siti Zubaidah menyatakan dirinya yang sebenar.

Teks terakhir yang perlu dibicarakan dari sudut tema pengembalaan ialah **HHT**. Unsur ini mendominasi hampir keseluruhan teks **HHT**. Di dalam setiap pengembalaan tersebut Hang Tuah sememangnya mengalami pelbagai halangan. Pengembalaan-pengembalaan dalam teks ini tidak lagi dilakukan oleh anak-anak raja tetapi oleh seorang hamba raja. Motif pengembalaan Hang Tuah bukan lagi demi kepentingan dirinya (Panji mengembala kerana mencari kekasih); tetapi kerana menjunjung titah rajanya dan juga atas dasar kesetiaannya kepada raja tersebut. Dalam pengembalaannya, Hang Tuah seringkali ditemani oleh para sahabatnya iaitu

Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekiu dan Hang Lekir. Hanya ketika berada di dalam buangan di Inderapura untuk mengambil Tun Teja sahaja Hang Tuah bersendirian.

Perbandingan tema-tema cereka Melayu klasik dan cerita Panji seperti dalam perbincangan-perbincangan di atas dapat dilihat secara ringkas seperti di dalam jadual di bawah.

JADUAL I: PERBANDINGAN TEMA CERITA PANJI DAN TEKS-TEKS MELAYU KLASIK

CERITA PANJI	S D S	S A	S C P	H M D	C S J	H I P	H L L B	H H T	S M	S S Z
1. PERCINTAAAN:	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*
a. kesetiaan wira/wati	*	*		*		*	*		*	*
b. antara dua sepupu	*	*								
c. kehadiran unsur 'Angreni'	*	#		#						
d. terhalang - wira/wati hilang atas kehendak dewa		#		#						#
2. PENGEMBARAAN:	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*
a. motif mencari kekasih yang hilang	*	*		#		#	#			#
b. penyamaran dan pertukaran nama	#	*	*	#		*	#			*
c. babak perwayangan	#	#						#	#	#
d. peperangan	*	*	*	*	*	*	*	*	*	*

PETUNJUK:

* : HADIR

: HADIR TETAPI PERBEZA DARIPADA EPISOD CP

*# : HADIR DENGAN PENGUBAHSUAIAN YANG UNIK

Melalui jadual ini secara umum terdapat dua pokok utama tema cereka-cereka yang menjadi kajian. Tema-tema tersebut ialah percintaan dan pengembaraan. Dalam kesemua teks yang dibandingkan terlihat wujud unsur-unsur percintaan dan juga pengembaraan ini. Namun begitu kehadiran kedua-dua unsur tersebut berbeza-beza mengikut beberapa klasifikasi. Unsur-unsur tersebut boleh hadir sama atau hampir sama seperti yang wujud dalam cerita-cerita Panji. Dalam kes ini teks **SDS** dan **SA** adalah contoh yang terbaik kerana mempunyai hampir keseluruhan sub-tema yang telah dibincangkan.

Unsur-unsur autentik cerita Panji seperti kesetiaan, percintaan wira dan wirawati yang mempunyai pertalian hubungan sebagai sepupu, kehadiran unsur 'Angreni' dan percintaan terhalang atas kehendak para dewa wujud dalam teks **SDS**. Bagi teks **SA**, **HMD** pula walaupun unsur-unsur **1c** dan **1d** hadir, terdapat sedikit perbezaan serta perubahan daripada kehadirannya dalam cerita-cerita Panji. (lihat perbincangan pada hal(105-109). Sementara sub-tema **1a** pula terpancar hampir dalam kesemua teks.

Pada bahagian kedua pula, kesemua teks kajian mempunyai pengisahan tentang babak-babak pengembaraan wira/wirawati. Pada bahagian ini **SSZ** menampakkan perhubungan yang menghampiri cerita Panji. Pengembaraan yang dijalankan oleh Siti Zubaidah ini sama seperti yang pernah dilakukan oleh Galuh. (lihat perbincangan 4.3.2 hal.166) Dalam pengembaraannya Siti memakai nama Syahar Pahlawan ditemani oleh Rukiah (Nahar Pahlawan). Keunikan bahagian

ini yang membezakannya daripada pengembaran Galuh hanyalah pada motif pengembaran tersebut. Galuh dalam kebanyakan cerita Panji mengembara atas kehendak para dewa, sementara Siti pula mengembara untuk menyelamat diri ZA dan maruah suaminya itu. Pada bahagian **2c** pula, kehadiran unsur tersebut dalam beberapa teks kajian (**SDS, SA, HMD, SM, SSZ**) keseluruhannya berbeza daripada fungsi asalnya dalam cerita-cerita Panji yakni sebagai alat untuk tujuan pengajaran dan sindiran.

Kehadiran unsur tersebut dalam cereka Melayu klasik kebanyakannya hanya sebagai hiburan. Hanya di dalam **HMD** dan **SSZ** unsur ini berfungsi untuk membolehkan wira/wirawati yang menyamar memasuki negeri musuh dan membolehkan mereka mencapai motif pengembaran mereka.

Unsur sub tema **2d** merupakan unsur yang hadir dalam kesemua teks kajian. Teks-teks **SA, SDS, SSZ, HIP, HHT, SM** mempunyai dua dari tiga jenis perperangan yang dikenal pasti iaitu perperangan yang melibatkan watak utama dan musuh serta perperangan watak utama dalam misi membantu kerajaan-kerajaan sahabat. Jenis perperangan ketiga yang lazim ditemui dalam cerita Panji yakni yang melibatkan sesama watak-watak utama kerana saling tidak mengenali akibat penyamaran, tidak ditemui dalam teks-teks kajian.

4.2. PERBANDINGAN STRUKTUR PENCERITAAN CERITA PANJI DAN KARYA-KARYA NARATIF SASTERA MELAYU KLASIK

A. EKSPOSISI

4.2.1. Asal-usul Raja-raja Di Dunia

Plot atau jalan cerita mengemukakan jalinan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam sesebuah cereka. Bagi sastera Melayu kalsik, plot yang diikuti oleh pengarang adalah berbentuk konvensional. Setiap cereka dimulai dengan bahagian pengenalan atau eksposisi, kemudian diikuti oleh bahagian pertengahan dan diakhiri pada bahagian peleraian.

Lazimnya bagi sesebuah cerita Panji, bahagian pengenalannya menceritakan tentang asal-usul keturunan raja-raja Jawa yang dikaitkan dengan penjelmaan para dewa dari kayangan. Di dalam HMTJK, Betara Naya Indera dan isterinya Dewi Mandurati turun ke dunia memerintah negeri Kuripan. Keturunan mereka lah yang menjadi raja di negeri-negeri Jawa dan kemudian kerajaan-kerajaan di Jawa itu berkembang.

"Sebermula, maka tersebutlah perkataan, segala dewa-dewa duduk berkampung di balai Tanjung Maya berbicara hendak menyuruh Betara Naya Indera laki isteri turun menjelma ke mayapada. Selama-lama raja Pandawa kembali ke kayangan maka sunyilah mayapada ini."⁹

⁹ op.cit.hal.1

Jalinan cerita yang menghubungkan keturunan dewa-dewa di kayangan dengan raja-raja di dunia juga sering ditemui di dalam cereka Melayu klasik. Hal ini juga berlaku terhadap cereka-cereka yang mendapat pengaruh Hindu. Di dalam HHT kaitan keturunan raja-raja Melayu dari Bukit Seguntang dengan dewa-dewa di kayangan memang dikemukakan oleh pengarang.

"Sekali persetua ada seorang raja keinderaan. Raja ini terlalu amat besar kerajaannya;...Adapun nama raja itu Sang Perta Dewa. Adapun Sang Perta Dewa itu tahu akan dirinya akan beroleh anak; maka daripada anak cucu baginda itu akan menjadi raja besar pada akhir zaman."¹⁰

Sang Perta Dewa kemudian berkahwin dengan Tuan Puteri Kemala Ratna Pelingam yakni seorang puteri dari kayangan. Puteri tersebut diturunkan oleh ayahanda baginda ke Pulau Biram Dewa iaitu tempat Sang Perta Dewa pergi berburu dan bertemu dengan puteri tersebut lalu berkahwin. Keturunan mereka inilah yang menjadi raja-raja besar di dunia ini. Anak mereka Sang Sapurba dirajakan di Bukit Seguntang Mahameru. Jika didalam cerita-cerita Panji didapati dewa-dewa yang menjelma ke dunia adalah di atas kehendak Betara Kala, sebaliknya di dalam HHT, pengarangnya memasukkan unsur-unsur Islam dengan menyatakan bahawa Sang Sapurba diturunkan oleh Allah ke dunia untuk menjadi raja.

"Ya adinda, akan sekarang anakanda kita pun sudahlah besar, patutlah ia menjadi raja. Adapun akan jadi raja di dalam dunia, akan menentukan asal raja , bahawa diturunkan Allah Taala menjadi raja datang kepada akhir zaman."¹¹

¹⁰ .Kassim Ahmad.1993.**Hikayat Hang Tuah**.DBP.KL.hal.1

¹¹ .ibid.hal.5

Setelah Sang Sapurba diturun dan dinobatkan di Bukit

Seguntang, seorang puteri dari keinderaan telah dijelaskan melalui muntah seekor lembu putih (juga jelmaan seorang dewi) untuk menjadi isteri kepadanya. Peristiwa ini dikemukakan oleh pengarang untuk memperkuatkan jurai keturunan yang mulia bagi raja-raja di dunia khasnya bagi raja-raja Melayu.

"Maka turun dewa di keinderaan merupakan dirinya seekor lembu putih seperti perak disepuh, tanduknya seperti duri. Maka dilihat lembu itu muntah...Maka dilihat oleh Sang Sapurba muntah lembu itu menjadi budak, seorang perempuan terlalu elok rupanya dan wajahnya seperti emas sepuluh mutu, warna mukanya seperti bulan purnama empat belas hari bulan."¹²

Cerita Panji telah menghubungkan penjelmaan dewa-dewa dari kayangan dengan raja-raja di tanah Jawa. Walaupun putera atau puteri dewa yang menjelma itu berkahwin dengan manusia di dunia, darjat mereka masih lagi dianggap tinggi. Ini diperkuatkan lagi dengan mengemukakan watak utama (putera atau puteri) itu juga adalah penjelmaan dewa-dewa. Dalam hal ini didapati Raden Inu merupakan jelmaan Betara Kerma Jaya dan Raden Galuh pula adalah jelmaan Dewi Indera Segerba (HMTJK).

¹² ibid.hal.8

Selain HHT seperti yang telah dibicarakan, pengarang SA juga telah menghubungkaitkan susur galur keturunan watak wira dan wirawatinya dengan para dewa dari kayangan. Agung, Halam dan Cahaya Keinderaan adalah cucu kepada Dewa Gangga Sakti.

Inilah kisah suatu cetera
seorang dewa di atas udara
kerajaan besar tidak terkira
menaklukkan sekelian jin dan dewa

Baginda tu konon sudah berputera
kedua-dua laki-laki sama setara
yang tua bernama Betara Indera
yang muda bernama Betara udara...

Terlalu suka Gangga Betara
melihat paras paduka cunda
yang tua dinamakan Sulung Mengindera
yang muda dinamakan Sulung Putera

Selang berapa lama antara
berputeralah putera Permaisuri Udara
lalu bertitah Gangga yang syuhada
kepada anakanda kedua betara

Cunda ketiga ayahanda pinta
hendak diturunkan ke mayapada
anakanda jangan bergundah cinta
cunda nin tidak menjadi apa¹³.

Cerita SA juga lebih menarik kerana pengarangnya telah mengolah unsur penjelmaan para dewa ke dunia di dalam suatu babak baru yang berbeza sama sekali daripada babak-babak penjelmaan di dalam cerita-cerita Panji. Jika di dalam cerita-cerita Panji dewa-dewi yang menjelma dilahirkan semula oleh permaisuri ratu-

¹³ .Zahir Ahmad.1991.**Syair Agung**.DBP.KL.hal.5

ratu Jawa; sebaliknya di dalam **SA**, Agung, Halam dan Cahaya Keinderaan dilahirkan semula oleh 'ibu tumpang' mereka iaitu Kijang, Kambing dan Harimau. Sudah tentulah amat menarik dan menakjubkan kerana binatang-binatang itu boleh mengandung dan melahirkan anak-anak manusia. Di dalam cerita ini juga didapati wakat-watak utamanya telah menjelma ke dunia menjadi tiga kuntum bunga.

adapun akan Gangga Sakti
cunda ketiga diambil pasti
dijadikan bunga tiga kaki
kepada anakanda baginda beri

lalu disambut Betara Kesna
menyembah ayahanda duli yang ghana
pergilah ia membuangkan bunga
ke mayapada turun menjelma¹⁴

Jika dibandingkan dengan cerita-cerita Panji, unsur penjelmaan watak wira dan wirawati sebagai bunga memang sesuatu yang lumrah. Dewi Segerba Indera menjadi bunga tanjung biru lalu menjatuhkan diri di hadapan ratu Daha yang sedang bertapa. Begitu juga watak Raden Inu (Undakan Rawisrangga - HCWP) adalah jelmaan dewa Betara Indera Kamajaya yang diturunkan sebagai bunga teratai biru. Sementara kembarnya, Nila Kencana pula menjadi bunga teratai putih dan dilahirkan semula oleh Permaisuri Daha.

Di dalam kisah HCWP ini, bukan hanya watak wira dan wirawatinya sahaja yang merupakan penjelmaan dewa dari kayangan. Para kedayan mereka juga turut dijelmakan dan dilahirkan oleh isteri-isteri patih, Demang dan Temenggung.

¹⁴ ibid.

Misalnya pengiring-pengiring Betara Indera Kamajaya; Rukma Indera oleh isteri Temenggung, Rukma Jaya dilahirkan oleh isteri Patih dan Reksa Indera oleh isteri Demang negeri Kuripan.

Berbalik kepada cerita SDS, HLLB dan HMD, susur galur keturunan raja-raja dunia dari kayangan begini hanya dikemukakan melalui sebelah pihak. Pengarang SDS mengisahkan bagaimana Puteri Gemala Sakti anak Betara Indera yang terpaksa diturunkan oleh ayahandanya ke dunia kerana khuatir akan berlaku perperangan di kalangan para dewa akibat merebut puteri tersebut.

Adalah konon suatu rencana
dewa kayangan raja yang ghana
asalnya mulia terlalu bera
tidak bertara di dunia sana

Berangga Naga namanya negeri
Indera Betara nama rajanya
seorang perempuan konon puteranya
di atas udara tiada bandingnya

Baik parasnya tuannya puteri
bernama Kesukma Gemala Dewi
laksana bulan empat belas hari
sukar didapat payah dicari

berkira-kira seorang-orang
paduka anakanda hendak dibuang
ditaruh dagangan susah sekarang
tiada guna demikian gerang

Setelah sudah demikian peri
dipuja baginda anakanda puteri
menjadi pauh intan baiduri
lalu dijatuhkan dari udari¹⁵

¹⁵ Noor Faridah Berahim.1990."Penurunan Teks SDS: Analisis Gaya Bahasa dan Unsur-unsur Cerek". Latihan Ilmiah.JPM.UM.KL.hal.215

Hasil perkahwinan Dandan Setia dan Intan Terpilih maka lahirlah zuriat yang menjadi pemerintah di dunia. Jurai keturunan daripada para dewa ini diperkuuhkan lagi dengan mempertemukan jodoh puteri mereka dengan seorang dewa dari kayangan yang disumpah menjadi seekor naga oleh ayahandanya.

Begitu juga Baginda Malim Deman yang mendapat isteri yakni Puteri Bongsu yang merupakan seorang puteri dari kayangan. Hal yang sama berlaku kepada Indera Bumaya, putera raja Puspa Indera Koci di dalam **HLLB**. Baginda berkahwin dengan seorang dewi kayangan yakni Tuan Puteri Kusuma Dewi setelah berjaya menewaskan tunangan puteri tersebut, Raja Indera Syahperi. Dari sudut asal-usul, Indera Bumaya merupakan seorang dewa yang menjelma menjadi bunga melur yang telah dimakan oleh Maharaja Puspa Koci.

Di dalam kisah **HMD** walaupun watak wiranya adalah manusia tetapi darjatnya sama seperti seorang dewa di kayangan. Hal yang sama berlaku kepada Dandan Setia (**SDS**) dan Inderaputra (**HIP**). Ini kerana mereka mampu berkahwin dengan dewi kayangan malah Malim Deman dan Inderaputra berupaya pula sampai ke dunia kayangan yang tidak dapat dilakukan oleh manusia biasa. Malah mereka juga mampu menewaskan dewa-dewa dari kayangan dalam pertarungan-pertarungan yang besar.

Pengarang-pengarang Melayu terutamanya di dalam cerita-cerita berunsur sejarah lebih mendasarkan susur-galur keturunan raja-raja di dunia ini dengan dunia realiti. Umpamanya di dalam **Sejarah Melayu** keturunan raja-raja Melayu dikaitkan dengan seorang raja Islam yang agung dan besar iaitu Iskandar Zulkarnain. Namun begitu secara sedar atau tidak pengarang **Sejarah Melayu** tetap memberikan raja-raja Melayu bayangan dan kuasa dewa-dewa dari kayangan.¹⁶

Hal yang demikian dapat dikesan apabila pengarang memasukkan mitos Hindu, yang secara langsung menunjukkan pengarang mempunyai pengetahuan tentang dewa-dewa di dalam agama tersebut. Anak-anak Raja Suran, Nila Pahwalan, Kerisnya Pandita dan Nila Utama naik ke dunia dari alam Samudera ke Bukit Seguntang Mahameru. Lembu Putih yang dibawa oleh mereka memuntahkan buih yang mengeluarkan Bat, seorang brahman yang telah menobatkan Nila Utama (Sang Sapurba) di Bukit Seguntang itu.

Penyusur-galuran begini, sama ada dengan dewa-dewa mahupun raja-raja besar di dunia merupakan suatu unsur yang universal di dalam kesusasteraan tradisi. Tujuan atau motif pengarang-pengarang ini tetap sama iaitu untuk menunjukkan kebesaran raja-raja mereka serta mengagungkannya. Ia juga bermaksud menandakan suatu sistem nilai kepada rakyat jelata supaya mereka

¹⁶ Dalam tradisi masyarakat Hindu, seseorang raja dipercayai merupakan jelmaan seorang dewa. Maka raja tersebut merupakan seorang 'manusia' istimewa yang memiliki kuasa seorang dewa. Dalam **Sejarah Melayu** penjelmaan anak-anak raja di Bukit Seguntang Mahameru di Palembang dianggap sebagai sama seperti penjelmaan Siva di dunia.

mempercayai konsep kedaulatan raja-raja tersebut. Dengan kata lain cara menyusur galurkan jurai keturunan begini menjadikan rakyat lebih akur kepada mereka seperti kata saudagar Parmadewan;


“..sekarang sudah konon diturunkan raja yang berasal, raja di keinderaan diturunkan Allah Taala...Hamba datang ini pun hendak melihat kerana raja itu akan Allah Taala di dalam dunia ini; barang siapa melihat raja seperti melihat Allah Taala”¹⁶

Jadi unsur penyusur-galuran keturunan raja-raja di dunia dengan kayangan juga menjadi sesuatu yang sejagat. Di Jawa hal ini berlaku kerana wujudnya pengaruh kepercayaan Hindu yang tebal di kalangan masyarakat tradisinya. Pengaruh agama tersebut di dalam masyarakat Melayu tradisi juga tidak dapat dikikis secara mendadak selepas kedatangan Islam di Nusantara.

Secara umumnya perbandingan asal-usul keturunan raja-raja di dunia dapat dilihat pada raja di bawah:

¹⁶ Kassim Ahmad
↳ op.cit hal.90

Jurai Keturunan Raja-Raja Jawa Mengikut HMTJK



Jurai Keturunan Raja-Raja di Dunia Mengikut HHT




Jurai Keturunan Raja Bandar Muar Mengikut HMD

Tuanku Malim Perman + P
|
Tuanku Gombang Malim Dewa + Puteri Lindungan Bulan
(BANDAR MUAR)
|
Tuanku Malim Deman + Puteri Bongsu (Kayangan)
(BANDAR MUAR)
|
Tuanku Malim Dewana

Jurai Keturunan Raja-raja Dunia Mengikut Syair Agung

Betara Gangga Sakti + Permaisuri Gemala
Sakti (Kayangan) |
Betara Indera + Permaisuri | Permaisuri + Betara Udara
|
Sulung Putera | PSS + Sulung Mengindera + Cahaya Keinderaan
(Halam) | (Agung)
|
Ambong Putera

Jurai Keturunan Raja-Raja Jawa Mengikut Syair Cendawan Putih



Jurai Keturunan Raja-raja Dunia Mengikut Syair Dandan Setia



Jurai Keturunan Raja-raja Dunia Mengikut Hikayat Langlang Buana

Maharaja Belia Kesna (Kayangan)

Permaisuri + Puspa Indera Koci (Negeri Lela Gambar)	saudara (Jawa)	saudara
Puteri Kusuma Dewi + Indera Bumaya (Kayangan)	(Maharaja Lela Gambar)	

4.2.2. Para Ratu Berkaul

Pada bahagian pengenalan juga seringkali ditemui episod para ratu Jawa tersebut berkaul untuk mendapatkan anak. Umpamanya Ratu Kuripan dan Daha di dalam HMTJK telah mengadakan uapacara berkaul memohon dikurniakan cahaya mata bagi menyambung zuriat mereka.

"Hai kamu sekalian segala orang pertapaan, beta berkaul memberikan derma kurnia kepada segala jogi, bujangga dan beta membuat gunung api tujuh buah di tengah laut Segara Kidul dan beta persembahkan kerbau empat puluh bertandukkan emas dan sapi empat puluh sungu kencana kepada berhala dewa-dewa didermakan"¹⁷

¹⁷ op.cit.hal.6-7

Nazar mereka telah diperkenankan oleh Betara Guru yang mengarahkan Betara Kerma Jaya dan Dewi Segerba Indera turun ke dunia, menjelma sebagai putera dan puteri kepada ratu Kuripan dan Daha. Betara Kerma Jaya menjelma menjadi anak Ratu Kuripan dan diberi nama Raden Inu. Sementara itu Dewi Segerba Indera turun menjelma, menjadikan dirinya sekuntum bunga tanjung kencana yang dimakan oleh Sang Nata Daha suami isteri. Akhirnya permaisuri hamil dan Raden Galuh dilahirkan.

Konsep berkaul jarang ditemui di dalam kebanyakan cerita Melayu tradisi. Raja-raja di dalam HMD atau HLLB mendapat anak hasil perkahwinan mereka tanpa perlu berkaul. Namun begitu di dalam HLLB, Raja Puspa Indera Koci telah bermimpi bertemu seorang lelaki tua yang berpesan supaya baginda mengambil bunga melur yang ditemuinya sewaktu berburu.

"Hai Maharaja Puspa Indera Koci! Bangunlah engkau. Esok hari pergi engkau berburu. Jikalau engkau bertemu dengan serumpun bunga melur maka ambil oleh engkau. Itulah kelak akan menjadi anak laki-laki terlalu gagah beraninya dan anak engkau inilah kelak akan menjadi raja keempat penjuru alam"¹⁸

Raja Puspa Indera Koci akhirnya mendapat seorang putera iaitu Indera Bumaya, wira cerita ini. Indera Bumaya juga adalah merupakan penjelmaan seorang dewa dari kayangan iaitu Maharaja Belia Kesna. Pengenalan diri sebenar Indera Bumaya sebenarnya tidak dilakukan pada bahagian-bahagian pengenalan.

¹⁸ .Mohd. Yusof Md.Nor.1991.Hikayat Langlang Buana.Fajar Bakti P.Jaya.Hal.2

Sebaliknya khalayak hanya mengetahui hal ini melalui ingatan kembali Seri Maharaja

Sakti (lihat HLLB hal.44)

Di dalam SDS, unsur berkaul ini ada juga ditemui. Namun begitu tidak semua di dalam cerita ini melakukan upacara tersebut. Di dalam kisah tersebut hanya Sultan Perdana Syah sahaja yang mengadakan upacara berkaul kerana terlalu inginkan seorang anak setelah mendengar kekandanya Sultan Mendam Perasat mendapat seorang putera.

Setelah dapat khabar dan madah
kekanda baginda berputera sudah
seorang laki-laki terlalu indah
bagindapun ingin di sana gundah

terlalu ingin Sultan Mahkota
berkaul bernazar di dalam cita
memohonkan putera supaya nyata
walaupun tiada sebelah mata

meminta doa sebilangan hari
bersama kedua laki isteri
serta dengan hulubalang menteri
semua bernazar seisi negeri

Tiada berapa lama selangnya
daripada sangat keras pinta
disertakan Allah konon citanya
hendak bermain membawa isterinya¹⁹

¹⁹ op.cit.hal.218

Secara kebetulan, Betara Indera iaitu Dewa kayangan terpaksa membuangkan anakanda baginda ke dunia. Puteri Gemala Sakti yang disumpah oleh ayahandanya menjadi buah pauh itu telah dijumpai oleh Sultan Perdana Syah laki isteri. Setelah memakannya, permaisuri hamil dan apabila cukup ketikanya baginda telah melahirkan seorang bayi yang amat hodoh iaitu Intan Terpilih. Suatu hal yang menarik di sini ialah upacara berkaul tersebut memperlihatkan percampuran kuasa Allah S.W.T. dan dewa dari kayangan. Sultan Perdana Syah memohon doa kepada Allah S.W.T., sebaliknya pada waktu yang sama seorang dewa telah menjelmakan anakandanya ke dunia. Hal ini berlaku kerana karya ini dicipta selepas berkembangnya agama Islam di Nusantara.

Dewi yang turun menjelma di dalam cerita ini tidak lagi menjadi sekuntum bunga kecana atau tunjung tetapi menjadi buah pauh. Percampuran dan perubahan episod yang berlaku di dalam SDS ini menjadikannya sebagai sebuah kisah yang tersendiri.

Kelahiran dan penjelmaan watak-watak utama di dalam cerita-cerita Panji lazimnya sering disertai hal-hal keajaiban. Umpamanya kelahiran Raden Inu digambarkan;

"Kepada suatu malam, bulan pun penuh terlalulah sangar terangnya, sedang purnama, maka permaisuripun sakitlah hendak berputera...maka seketika itu juga bulan yang terang menjadi kelam. Guruhpun berbunyilah sayup-sayup bahasa seperti menegur Betara kerma Jaya...Maka kilat petirpun sabung menyabung serta dengan hujan ributnya, terlalu amat keras selaku terangkat Negeri Kurpan itu rasanya..."²⁰

Peristiwa-peristiwa aneh tatkala kelahiran watak utama juga dapat dikesan dalam kebanyakan cereka Melayu tradisi. Umpamanya kelahiran Raja Anggun Cik Tunggal (HACT) digambarkan seperti berikut;

Arakian, antara selang tiada beberapa lamanya sampailah tujuh malam tujuh hari matahari tepat;

Tengah buntar bayang-bayang,
Elang mengelit di udara,
Hujan panas rintik-rintik,
Angin sepoi-sepoi bahasa;

tega dan tunggul pelangi membaris di tepi langit di sebelah matahari mati; berbunyilah guruh di atas angkasa; bersahutan pula dengan bunyi tagar di laut mendayu-dayu bunyinya....

Hatta, maka dengan kudrat Allah subhanahu wataala masuk kedelapan harinya, Tuan Puteri pun bersalinlah suatu benda tiada tentu sifatnya kerana di dalam simpulan lagi yang lahir itu:

Tujuh bilah lantai terpatah,
Tujuh batang gelegar terpatah,

lalu jatuh ke atas tanah. Maka bumipun lembung lalulah tenggelam dengan simpul-simpulnya.²¹

²⁰ op.cit.hal.8

²¹ Pawang Ana.1985. **Hikayat Cik Tunggal.** Fajar Bakti Petaling Jaya.hal.14-15

Hal yang sama juga boleh dilihat dalam SDS, SA dan lain-lain. Unsur ini sama ada di dalam cerita Panji mahupun cereka Melayu berfungsi sebagai cerminan kehebatan tokoh-tokoh utama dalam cerita.

B. PERTENGAHAN: Perumitan, Konflik Dan Klimaks

4.2.3. Pengembaraan (Penyamaran, Peperangan, Pewayangan)

Setelah watak-watak utama dewasa mereka ditunangkan oleh kedua orang tua mereka. Bahagian pertengahan atau inti cerita (dalam HMTJK) bermula selepas Raden Inu mengambil keputusan memutuskan pertunangan mereka yang menyebabkan Raden Galuh merasa kecil hati. Akhirnya di atas kehendak para dewa Raden Galuh dilarikan dari istana Daha. Peristiwa inilah yang membawa kepada motif pengembaraan Raden Inu untuk mencari tunangannya itu.

Siri pengembaraan di dalam cerita-cerita Panji merupakan babak-babak yang panjang. Usaha Raden Inu mencari Raden Galuh merupakan suatu tugas yang amat sukar dan terpaksa menempuh pelbagai rintangan. Pengembaraan dilakukan oleh mereka dengan cara menyamarkan diri sehingga mereka sendiri tidak dapat mengenali sesama sendiri. Namun begitu pada ketika-ketika tertentu, naluri watak-watak tersebut merasakan mereka saling mengenali tetapi tidak membuka rahsia demi menjaga kepentingan masing-masing atau kerana mentaati perintah Betara Kala. Bahagian ini juga dipenuhi dengan babak-babak peperangan sama ada dengan

musuh masing-masing ataupun sesama sendiri akibat tidak mengenali identiti masing-masing itu.

Selain babak peperangan, babak pewayangan juga ditemui di dalam bahagian ini. Pewayangan di dalam cerita-cerita Panji selain untuk tujuan hiburan, ia juga digunakan untuk tujuan-tujuan moral seperti memberi pengajaran, menyindir dan menginsafkan seseorang. Malah wayang dalam masyarakat Jawa mempunyai konotasi yang amat penting. Ini kerana keseluruhan pewayangan itu adalah merupakan bayangan terhadap kehidupan manusia di dunia ini.

Di dalam cerita-cerita kesusasteraan Melayu klasik seperti lipurlara dan hikayat sering juga ditemui unsur-unsur yang hampir sama dengan unsur tersebut. Umpamanya pada bahagian pertengahan cerita-cerita lipurlara, ciri-ciri pengembaran memang merupakan sesuatu yang lazim. Misalnya di dalam **HMD** dan **CSJ** ditemui watak-watak wira yang mengembara kerana mencari sesuatu. Malim Deman dalam pengembaraannya mencari Puteri Bongsu terpaksa menghadapi pelbagai rintangan. Jika di dalam CP babak ini diceritakan dengan panjang lebar dan terperinci bagi menimbulkan kesan yang jitu, maka di dalam cerita-cerita lipurlara episod ini digambarkan di dalam suatu gaya yakni melalui penggunaan bahasa berirama seperti di dalam contoh di bawah;

Tempat jin yang banyak,
Tempat syaitan yang banyak,
Masuk hutan keluar hutan,
Masuk padang keluar padang,
Masuk rimba keluar rimba,
Bertemu cangkat didaknya,
Bertemu lurah sama dituruni,
Hari berganti hari,
Habis malam berganti malam,
Habis bulan berganti bulan,
Habis tahun berganti tahun,
Bukan ia mencari buruan,
Gajah dijumpa tiada ditembak,
Rusa dijumpa tiada dikejar,
Badak dijumpa tiada diturut.²²

Di dalam HMD juga terdapat babak-babak penyamaran. Namun begitu ia hanya melibatkan tokoh wiranya sahaja. Sewaktu babak penyamaran ini Malim Deman menggunakan ilmu yang dimilikinya untuk mengubah wajahnya menjadi seorang pengail tuan. Dia berjaya menyembunyikan baju layang Puteri Bongsu. Hanya setelah tuan puteri itu ditinggalkan oleh kekanda-kekandanya barulah Malim Deman dikatakan "berangkatlah bersiram ke dalam taman itu beryang-yang mengamalkan ilmu hikmat. Setelah sudah kembalilah rupanya seperti sediakala, terlau elok majelisnya.."²³

Penyamaran seperti ini berbeza sama sekali daripada yang pernah dilakukan oleh Raden Inu atau Raden Galuh. Lazimnya di dalam cerita Panji watak-wataknya hanya menukar nama atau cara berpakaian. Jikapun mereka menyamar dan bertukar secara total menjadi lelaki atau wanita itu adalah dengan kehendak

²² ibid.hal.16

²³ ibid.hal.31

Betara Kala. Hal yang demikian dapat dilihat di dalam episod Raden Inu disetui menjadi seorang dalang wanita di dalam HGD. Sementara di dalam HMTJK pula Raden Galuh dan para kedayannya telah disetui menjadi seorang lelaki dan diberi peranan yang sama dengan seorang lelaki biasa.²⁴

Pada kali kedua pula Malim Deman telah menyamar ketika menjelaki isterinya yang merajuk lalu kembali ke kayangan. Kali ini baginda Malim Deman memakai pakaian ala seorang ahli muzik dan menggelarkan dirinya Malim Permainan. Di dalam HMD tidak terdapat siri-siri peperangan yang panjang. Malim Deman hanya menghadapi pertarungan dengan tunangan Puteri Bongsu iaitu Mambang Molek. Dalam pertarungan ini Mambang Molek mati dan Puteri Bongsu kembali kepada suaminya dengan restu bapanya. Pada motif ini terlihat perbezaan yang ketara dengan cerita-cerita Panji yang mempunyai siri peperangan yang banyak dan panjang. Dalam hal ini perlu disedari bahawa cerita lipurlara disampaikan melalui medium yang berbeza daripada cerita Panji. Cerita-cerita lipurlara disampaikan secara lisan dan ini menyebabkan penuturnya tidak mempunyai ruang yang luas untuk memberi deskripsi yang panjang lebar. Oleh itu lazimnya penutur cerita-cerita lipurlara lebih gemar menggunakan bahasa berirama untuk menggambarkan dan memperjelaskan sesuatu.

²⁴ Galuh setelah bertukar menjadi lelaki memainkan peranan yang sama seperti lelaki biasa. Dia berkahwin, terlibat dalam peperangan menentang lelaki dan ada kalanya menjadi raja yang memerintah kaum lelaki.

Jika diteliti di dalam **SA** juga terdapat unsur penyamaran iaitu Agung dan Halam pernah menjadikan diri mereka sebagai kanak-kanak untuk masuk bertemu dengan Cahaya Keinderaan yang telah diculik oleh Sultan Agas Beranta. Cahaya Keinderaan juga pernah menyamar sebagai seorang lelaki untuk mengembara bagi tujuan menyelamatkan Agung. Penyamaran lain dilakukan oleh Cahaya Udara yang menyertai pengembaran Agung mencari Cahaya Keinderaan. Dia memakai nama Pahlawan Udara dan digambarkan mempunyai kehebatan yang sama dengan saudara-saudara lelakinya.

Sekiranya di dalam cerita Panji bahagian pertengahannya bermula sebaik sahaja Galuh meninggalkan istana, struktur ini agak berubah bagi **SDS**. Ini kerana bahagian pertengahan **SDS** bermula sebaik sahaja selepas kematian kedua ibu bapa Intan Terpilih dan kemudian dia dipelihara oleh bapa saudaranya. Di sinilah segala-segalanya mula berubah dalam kehidupan Intan Terpilih. Dandan Setia sentiasa sahaja mencari peluang mempersenda-sendakannya dengan pelbagai telatah sehingga dia benar-benar merajuk.

Jika konflik di dalam **HMTJK** bermula apabila Raden Inu menolak untuk dikahwinkan dengan Raden Galun setelah melihat gambar Galuh yang dilukiskan oleh Semar terlalu hodoh, begitu juga di dalam kisah **SDS**, Dandan Setia menolak cadangan ibubapanya supaya disatukan dengan Intan Terpilih kerana kehodohan wajahnya. Sikap Dandan Setia yang suka mempersenda-sendakan Intan Terpilih itu berlarutan walaupun setelah dia berkahwin. Seperti juga Inu, Dandan Setia juga

menyesali perbuatannya apabila mendapati wajah sebenar Intan Terpilih sangat cantik.

Bagi kisah SDS juga terdapat beberapa episod penyamaran. Namun begitu penyamaran-penyamaran ini bukanlah dilakukan sepanjang pengembalaan Dandan Setia seperti yang lazim dilakukan oleh Inu atau pun Galuh. Penyamaran pertama dilakukan oleh Dandan Setia ialah ketika mahu melihat tunangnya Tuan Puteri Intan Terserlah. Dia menyamar sebagai seorang dayang lalu pergi menghantar buah-buahan kepada puteri tersebut (lihat teks SDS hal.233). Dandan Setia seperti juga wira HMD mempunyai ilmu hikmat yang boleh menukarkan bentuk rupanya (lihat juga Agung dan Hang Tuah). Dalam episod peperangan menentang Dewa Indera Syahperi, Dandan Setia dan Raja-raja yang membantunya menyamar sebagai unggas untuk masuk ke dalam mahligai dewa tersebut. Ketika dalam babak-babak peperangan tersebut dia dapat menukarkannya dirinya kepada pelbagai rupa binatang, bota, naga dan seumpamanya. Unsur pertukaran kepada pelbagai rupa begini tidak ditemui dalam cerita Panji.

Sekiranya babak peperangan dalam cerita Panji lazimnya hanya berlaku sewaktu pengembalaan, di dalam SDS ia berlaku sebelum pengembalaan lagi. Peperangan itu adalah di antara Dewa Indera Syahperi dengan Dandan Setia yang berlarutan sehingga menyebabkan bapa Intan Terpilih di kayangan mengambil keputusan mengambil semula nyawa anakandanya.

Klimaks cerita ini berlaku apabila Intan Terpilih terpaksa dilayarkan ke laut lepas kerana ramalan nujum bahawa dia akan selamat dan dihidupkan semula. Dandan Setia pula telah ditelan oleh seekor buaya ketika cuba menurut rakit yang membawa Intan Terpilih. Dari episod inilah bermulanya babak-babak pengembaraan dalam cerita ini. Episod pengembaraan di sini tidak berlaku pada bahagian pertama pertengahan plot seperti lazimnya di dalam CP. Sebaliknya ia berlaku pada permulaan bahagian antiklimaks (lihat lampiran gambarajah analisis plot, hal.145-152)

Pengembaraan dalam cerita SA pula terjadi setelah Puteri Cahaya Keinderaan diculik oleh Sultan Agas Beranta. Pada mulanya Agung mengembara seorang diri kemudian diikuti oleh Halam, Pahlawan Udara, Usul Terjali dan Sulung Pahlawan. Klimaksnya pula berlaku apabila Cahaya Keinderaan sendiri keluar mengembara menyelamatkan Agung dan Usul Terjali yang dilarikan oleh Sultan Agas Beranta lalu dicampakkan ke dalam laut. Setelah PCK dijumpai, pengembaraan masih dilakukan oleh Agung untuk membantu mencari puteri-puteri negeri lain yang hilang.

Siri pengembaraan bagi SSZ berlaku dalam dua bentuk; pertama mempunyai ciri kemelayuan (cerita lipurlara) dan bahagian kedua memperlihatkan pancaran episod-episod pengembaraan cerita Panji. Pengembaraan pertama dilakukan oleh Sultan Zainal Abidin kerana mahu mencari puteri yang hadir di dalam mimpiinya. Dia diiringi oleh pengasuhnya, Siti Raudhiah dan teman-temannya; Jaafar Siddik, Abdullah Sani, Umar Baki dan Muhammad Muhiyuddin. Semasa di Pulau

Peringga Zainal Abidin telah menyamar sebagai seorang abdi semata-semata untuk melihat wajah Siti Zubaidah.

Akan sultan duli mahkota,
memakai seperti orang yang leta,
berbaju sarung bulunya unta,
berseluas buruk tampalnya rata

Bersongkok panjang perbuatan Syam,
berjambul hitam warna kusam,
bercincin akek warna hitam,
melakukan dirinya seperti khadam.²⁵

Penyamaran ini tentu mengingatkan khalayak kepada babak penyamaran yang telah dilakukan oleh Malim Deman, Dandan Setia dan Agung. Kesemua penyamaran ini hampir sama motifnya yakni untuk melihat wanita yang mereka idamkan.

Pengembalaan pada bahagian kedua pula dilakukan oleh Siti Zubaidah dalam misi membebaskan suaminya dan membalaas dendam terhadap segala yang berlaku ke atas suaminya itu. Bahagian ini bermula pada kemucak klimaks yang kemudian menuju ke arah anti klimaks (lihat rajah dan jadual perbandingan struktur plot.hal.150). Pada bahagian inilah pancaran episod-episod Panji mulai ketara. Siti dalam seluruh pengembalaannya ke China telah menyamar sebagai seorang lelaki dengan nama Syahar yang ditemani oleh Puteri Rukiah (Nahar). Hanya setelah

²⁵ .Abdul Mutalib Abd. Ghani.1983.**Syair Siti Zubaidah Perang China**
DBP.KL.hal.74

semua perkara selesai dilakukan baharulah Zubaidah memperkenalkan dirinya yang sebenar kepada suaminya itu.

C. PELERAIAN

4.2.4. Pertemuan Semula dan Hidup Bahagia

Kesemua kisah-kisah yang dibandingkan (kecuali **SM** dan **HHT**) memperlihatkan satu persamaan pada cara penyelesaian atau peleraian. Suasana bahagia setelah watak-watak utama dipertemukan kembali menjadi pilihan bagi pengarang-pengarang ini. Hanya pengarang-pengaran **SM** dan **HHT** menceritakan sesuatu yang menyedihkan yakni kejatuhan sebuah kerajaan yang besar dalam sejarah Nusantara. Peleraian yang dilakukan oleh pengarang **SSZ** memperlihatkan beberapa persamaan dengan cerita Panji. Selepas pertemuan watak-watak utama, diadakan pula upacara pembayaran kaul oleh para raja kerana watak-watak utama terlepas dari sebarang bencana. Namun begitu dalam kisah **SSZ**, **SDS** dan **SCP** cerita tidak ditamatkan hanya pada perkahwinan watak-watak utama sebaliknya dipanjangkan oleh pengarang dengan menceritakan kisah anak-anak watak utama. Episod peleraian **SA** pula menceritakan tentang Agung dan PCK yang terpaksa kembali ke kayangan kerana bimbangkan keselamatan PCK.

Secara umum perbandingan struktur plot yang dibincangkan di atas dapat diringkaskan seperti dalam jadual dan rajah-rajah struktur plot berikut:-

JADUAL I I: PERBANDINGAN STRUKTUR PLOT CEREKA-CEREKA PILIHAN SECARA UMUM


CERITA PANJI	S D S	S A	S C P	H M D	C S J	H I P	H L L B	H H T	S M	S S Z
EKSPOSISI:		-								
a) Asal-usul keturunan-dewa	#	-						#	-	
b) para ratu berkaul	#									
c) penjelmaan dewa/dewi sebagai tokoh utama	#	-			#			*	#	
d) kelahiran dengan keajaiban	#	-								*
e) pertunangan 2 sepupu	#	-								
f) wira/wati hilang/mati atas kehendak dewa	*				#					#
PERTENGAHAN-KEMBARA										
a) motif - mencari kekasih yang hilang	*	-			-			-		*
b) penyamaran: i) luaran ii) total	*	-	*	*		*	*	*	#	*
c) diiringi oleh para pengikut yang setia	#	-	#	#	#	#	#	#		*
d) wira/wati jatuh sakit	*	-					#			*
e) pewayangan: i) hiburan ii) moral	*	-		-					*	*
f) peperangan : i) musuh ii) membantu kerajaan lain iii) sesama sendiri	*	-		*	*	*	*	*	*	*
g) bertemu tapi tidak mengenali		#								
PELERAIAN										
a) wira/wati bertemu	*	-								
b) campurtangan dewa bagi menyelesaikan masalah		-								
c) perkahwinan wira/wati	*	-		#	#	#	-			#
d) pembayaran kaul	#	-								
e) bahagia selama-lama	*	-		*	*	*	*	*		


PETUNJUK:

* : HADIR



: HADIR TETAPI PERBEZA DARIPADA EPISOD CP

PERBANDINGAN STRUKTUR PLOT CERITA-CERITA PILIHAN DAN HMTJK





RAJAH III



TPKD disembunyikan oleh LLB
kepada Raja Biram Gangga
KLIMAKS




RAJAH VI

tragedi pertarungan HT dan HJ
KLIMAKS




RAJAH VII

SZ mengembara-melahirkan putera di hutan
KLIMAKS




IP dibuang ke laut
KLIMAKS



RAJAH IX

RKP dihanyutkan arus
KLIMAKS



RAJAH X

4.3. Analisis Perbandingan Watak Perwatakan Cereka-cereka Pilihan

Watak ialah pelaku di dalam sesebuah kisah yang bertindak sebagai penggerak peristiwa. Sebagai seorang pelaku watak diberikan perlukisan tentang sifat-sifat dalaman dan luaran bagi menyesuaikannya dengan peranan-peranan tertentu. Di dalam sesebuah cereka tradisi biasanya watak dan perwatakan dapat dibahagikan kepada dua tipa utama iaitu protagonis dan antoganis. Golongan protagonis selalunya terdiri daripada watak-watak utama (lazimnya anak-anak raja), saudara-mara mereka serta pengikut-pengikut yang bertindak sebagai watak pembantu. Sementara golongan yang kedua pula adalah musuh-musuh watak-watak utama serta musuh-musuh sahabat-sahabat mereka.

Lazimnya khalayak cereka tradisi dapat mengandaikan tindakan dan perwatakan watak sesebuah cerita kerana kesemuanya mempunyai unsur-unsur yang konvensional. Watak dan perwatakan cerita Panji juga seperti cerita tradisi lainnya mempunyai konvensi yang tertentu. Pertama watak wira dan wirawatinya semestinya adalah dari dua buah kerajaan yang terpenting di Jawa iaitu Kuripan dan Daha. Kedua-dua watak ini mempunyai pertalian kekeluargaan iaitu sebagai sepupu. Cerita Panji melibatkan ramai watak dan memberi tumpuan yang hampir sama di dalam menggambarkan watak-watak tersebut termasuk watak pembantu dan juga watak antoganis. Peranan dewa-dewa kayangan di dalam cerita Panji juga merupakan suatu unsur yang penting kerana terlibat secara langsung di dalam penceritaan.

4.3.1. Imej Raden Inu Dalam Cereka Melayu Klasik

Pengarang kraton Jawa mahupun sastera Melayu klasik sendiri amat menitik beratkan persoalan keturunan tokoh utama masing-masing. Hal ini penting kerana ia berkaitan persoalan pendaulatan dan unsur-unsur sakral yang muh ditanamkan ke dalam pemikiran rakyat jelata terhadap raja masing-masing. Raden Inu adalah merupakan anak raja Kuripan dengan permaisuri (tidak pernah berlaku dalam cerita Panji, Inu anak kepada Mahadewi atau Paduka Liku mahupun Mahatur). Begitu juga anak-anak raja dalam cereka Melayu yang memaparkan mereka sebagai anak raja besar seperti Malim Deman, Terung Pipit atau Sultan Zainal Abidin.

Tokoh wira **HMTJK** walaupun merupakan seorang anak raja besar dan sempurna serta merupakan penjelmaan Betara Kerma Jaya, dia tetap digambarkan sebagai seorang insan yang mempunyai perasaan dan tidak dapat lari dari melakukan kesalahan. Penolakannya untuk dikahwinkan dengan Galuh hanya kerana melihat sekeping gambar yang hodoh, memperlihatkan sikapnya sebagai seorang yang tidak berfikiran panjang serta terburu-buru. Sikapnya itu juga jelas terlihat ketika dia memukul isterinya (ketika itu Ken Segerba Indera) tanpa usul periksa dan mempercayai fitnah terbesar yang dilakukan oleh Raden Ratna Lango.

Gambaran seorang wira yang melakukan kesalahan pada peringkat awal dan akhirnya menyesali tindakan mereka, juga terdapat di dalam sebahagian cerita-cerita pilihan. Malim Deman dan DS umpamanya juga pernah melakukan tindakan-tindakan yang mengakibatkan penyesalan. Malim Deman umpamanya tidak mengendahkan isterinya kerana asyik berjudi dan berfoya-foya. DS juga sering mempersendakan ITp sehingga menyakitkan hatinya dan hampir mengakibatkan ITp terbunuh apabila diracun oleh isterinya yang cemburu. Sifat-sifat sebagai manusia biasa ini dimasukkan oleh pengarang dengan motif-motif moral bagi menginsafkan dan memberi pengajaran kepada khalayak.

Agung di dalam **SA** juga tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan. Jika selama dia memelihara PCK dia mampu mengawal nafsunya tetapi apabila bertemu dengan PSS segala janjinya untuk tidak menyentuh wanita lain hancur. Dia mengadakan hubungan sulit dengan puteri tersebut sehingga menyebabkan Ambong Putera lahir ke dunia. Dia juga sedaya upaya cuba menyembunyikan perbuatan sumbangnya itu semata-mata untuk memenangi kembali hati PCK.

Jika watak Inu sering dikaitkan sebagai seorang 'Don Juan' yang bijak bercumbu dan berasmara serta ramai wanita yang menggilainya, begitu juga wira-wira Melayu. Mereka sering menjadi tumpuan utama di mana sahaja mereka berada. Dalam **SA** watak Agung tidak begitu tepat untuk dibandingkan dengan sifat 'Don Juan' dan dewa asmara ini. Sebaliknya sifat ini lebih tepat diberikan kepada

adindanya Halam Pahlawan. Halam sentiasa sahaja tergoda dan cuba menggoda wanita-wanita yang menarik perhatiannya.

Unsur Panji di dalam perlukisan watak dan perwatakan **SA** memang agak ketara. Agung merupakan jelmaan seorang dewa dari keinderaan. Namun satu keistimewaan Agung dia tidak dilahirkan oleh seorang manusia biasa sebaliknya oleh seekor binatang yang suci daripada melakukan sebarang kesilapan.

Sifat romantis pada watak wira-wira Melayu yang menghampiri imej Panji lebih tepat diberikan kepada DS. Adegan-adegan kamar yang dipaparkan di dalam **SDS** lebih mendekati cerita Panji. Umpamanya pada petikan bait-bait syair di bawah memperlihatkan unsur-unsur kepanjilan pada watak DS apabila pengarang membuat perbandingan-perbandingan tertentu dengan cerita Panji.

Tiga belas tahun umurnya baharu
gagah berani **jayeng.seteru** (r83)

Elok rupanya Dandan Setia
terkena pakaian yang amat mulia
laksana **Betara Kerama Wijaya**
Tatkala mengibur turun ke dunia (r332)

Segala yang memandang paras mahkota
semua berahi gila berangta
tiadalah hilang lagi di mata
sangat terikut di dalam cita (r333)

Banyak konon perempuan negeri
menjadi gila lupakan diri
berahikan raja mahkota-mahkota negeri
manakan dapat bulan udari²⁶ (r334)

Satu perbezaan yang ketara di antara wira-wira Melayu dengan wira Panji ialah sikap berdikari wira-wira Melayu. Hal ini terlihat dalam perkara-perkara yang dilakukan oleh wira-wira tersebut misalnya pengembalaan dan peperangan yang dilakukan bersendirian. Perkara ini dilakukan oleh Malim Deman, Inderaputra, Indera Bumaya dan DS sendiri. Namun begitu perlu juga disedari alasan-alasan di sebalik babak-babak pengembalaan di dalam cerita Panji yang disertai oleh ramai pengikut. Di dalam budaya Jawa sikap tolong menolong itu amat dititikberatkan. Babak ini juga menekankan peri pentingnya sikap ketaatsetiaan serta tanggungjawab pengikut dan handai taulan. Dalam hal ini bukanlah bermakna sikap-sikap tersebut tidak dipentingkan dalam budaya Melayu tradisi. Tumpuan hanya kepada seorang watak utama sahaja dilakukan oleh pengarang/penutut kerana ruang penceritaan yang kecil (cerita lipurlara) atau bagi menonjolkan kehebatan watak-watak utama tersebut.

²⁶ op.cit.hal.222 & 245

4.3.2. Galuh Cendera Kirana - Wirawati Unggul CP

GCK adalah seorang tokoh wanita yang unggul di dalam cerita Panji khasnya dan masyarakat Jawa amnya. Dia merupakan seorang wanita ideal yang diimpikan oleh kebanyakan kaum peria. Tokoh ini merupakan jelmaan seorang dewi dari kayangan. Di dalam **HMTJK** dikatakan dia adalah jelmaan Dewi Segerba Indera yakni isteri Betara Karma Jaya. Kecantikan GCK yang sering ditonjolkan di dalam cerita Panji bukanlah dari segi paras rupa sahaja, malah dari segi batiniahnya juga. Dia dilukiskan sebagai seorang yang lemah lembut, berbudi bahasa, menghormati orang tua dan suaminya. Sikap tidak meninggi diri dan ramahnya membuatkan dia disenangi, disayangi dan disegani oleh para madunya. Sebagai wanita ideal dia amat bijak melayan suaminya sehingga Inu pernah bersumpah untuk tidak menyentuh wanita lain.

CK mempunyai kecekalan hati yang padu di dalam dirinya. Dia berani mengembara dan sanggup menempuh pelbagai rintangan dengan tabah. Dalam menjalani kehidupan sebagai isteri Inu (ketika itu Segerba Ningrat) dan sewaktu menjadi Kelana Merta Jiwa, Galuh sentiasa akur dan menerima takdir Sang Hyang Sukma ke atasnya. Sikap sabarnya dilihat apabila dia berani dan rela menerima hukuman Inu akibat fitnah Raden Ratna Lango. Dia pasrah dan menerima kenyataan itu lalu menyerahkan diri kepada Yang Maha Kuasa sehingga dia ditolongi oleh Betara Kala.

Keunggulannya tidak hanya sebagai seorang wanita sejati, sebaliknya juga sebagai seorang lelaki yang gagah dan berani. Ketika disetui secara total menjadi lanang (dalam HMTJK) baginda menyamar dengan memakai nama Misa Jejuluk Sira Panji Maring Daha, Kelana Merta Jiwa dan kemudiannya sebagai Prabu Anom Tambak Kencana setelah dia berjaya menewaskan kerajaan-kerajaan yang berhampiran. Banyak kerajaan yang tunduk di bawah pemerintahannya. Malah ketika dalam babak pertarungan dengan Mataram, dia dengan mudah dapat menawan Raden Inu dan saudara-saudaranya. Kehebatannya bermain senjata dan memiliki pelbagai ilmu kesaktian menjadikannya sebagai seorang lelaki tulen yang digilai oleh kebanyakan puteri-puteri Jawa.

GCK juga seorang yang mudah bersimpati dan mempunyai perasaan belas kasihan. Ketika Inu sakit dia (ketika itu Endang Kusuma Jiwa) telah mengubatinya walaupun masih merasa sedih terhadap perbuatan Raden Inu terhadapnya.

4.4.2. (i) Pancaran Citra Galuh Dalam Imej Wirawati Melayu Melayu Klasik

Tokoh wanita dalam cereka Melayu tradisi yang paling mendekati Galuh ialah Siti Zubaidah. Dia memiliki segala-gala yang dimiliki oleh GCK. Perbezaannya hanya dari etika prinsip yang dipegang oleh mereka. Galuh menggengam erat etika dan nilai-nilai Jawa sementara SZ pula menghayati prinsip-prinsip wanita solehah

mengikut ajaran Islam. Sebagai seorang wanita yang menerima didikan agama yang kental dari bapanya, SZ amat mentaati suaminya dan menjaga dirinya dari perkara-perkara buruk yang boleh membawa fitnah. Dia menghormati mertuanya walaupun dia dihalau dari istana setelah ZA keluar berperang menentang puteri China. Dia pasrah menerima hinaan dan kejian daripada mertuanya kerana dia sedar sebagai menantu dia tidak boleh melawan.

Kesabarannya terserlah apabila dia pasrah dan menyerah kepada Allah ketika menghadapi segala peristiwa pahit itu. Saat-saat getir ketika terpaksa melahirkan anak seorang diri di dalam hutan dilaluinya dengan tenang. Kemudian dengan hati yang pedih dia terpaksa pula berpisah dengan bayinya kerana mesti mengembara mencari suaminya yang ditawan oleh puteri-puteri China. Dalam perjalanananya SZ bertemu dengan Puteri Rukiah dan sama-sama menuntut ilmu kepahlawanan daripada seorang pendeta. Kemudian SZ dan PT menuntut bela dan menawan semula Yunan yang dirampas kuasa oleh saudara PR. SZ menjadi Maharaja di Yunan sementara PR sebagai Majaraja Mudanya. Dalam episod ini, SZ dan PR telah menyamar sebagai lelaki memakai nama Syahar Pahlawan dan Nahar Pahlawan.

Setelah keadaan di Yunan aman, mereka masuk ke negeri China dengan menyamar sebagai pemuzik dan penari. Di dalam episod ini tarian SZ dikatakan sangat menarik perhatian orang ramai termasuk Perdana Menterinya.

Sampai menari menggesek biola,
gong dan gendang sama setela,
cantik majlis lela mengerna,
seperti kuntum wijaya mala.

Menarilah konon joget kedua,
menari sambil suka tertawa,
cantik majlis utama jiwa,
laksana Galuh di benua Jawa²⁷

Dalam petikan di atas dapat dilihat pengarang membandingkan kecantikan SZ dengan PGCK dan ini menguatkan andaian bahawa pengarang mempunyai pengetahuan tentang cerita-cerita Panji.

SZ seperti juga Galuh, semasa penyamaran sebagai seorang lelaki telah menyebabkan ramai perempuan telah jatuh cinta terhadapnya termasuk puteri China iaitu Kilan Suri malah dia telah mengajak SZ berkahwin.

Adapun akan Kilan Suri
berahnnya tidak lagi terperi,
gilakan Syahar muda bestari,
melihat tidak sedarkan diri.

"Khabarkan apalah kepada beta,
apakah asal berilah nyata,
jikalau berkenan di dalamnya cita,
mahukah jadi suaminya beta."²⁸

²⁷ op.cit.hal.74

²⁸ ibid.hal.258

Kejayaannya dalam penyamaran ini juga terserlah apabila suaminya dan juga saudara kandungnya sendiri tidak dapat mengenalinya. Sebagai seorang lelaki (walaupun tidak secara total seperti penyamaran Galuh) dia juga hebat ketika menghadapi musuh. SZ berjaya membantu ZA menuntut bela terhadap perbuatan puteri-puteri China ke atas ZA. SZ juga telah membuktikan bahawa dia seorang pahlawan yang handal apabila berjaya menawan semula Yaman. Sebelum itu terdapat satu lagi episod yang mempunyai ciri persamaan dengan cerita Panji. Episod SZ mengubati suaminya yang sakit mengingatkan kembali kepada episod Endang Kusuma Jiwa mengubati Inu yang sakit selepas kehilangan isterinya.

Sebagai seorang wanita mukmin, SZ mengizin dan merelakan suaminya dikongsi oleh wanita lain. Malah dia sendiri yang memilih bakal-bakal isteri yang difikirkannya terbaik untuk suaminya. Beliau juga sering mengingatkan ZA tentang tanggungjawab seorang suami supaya berlaku adil terhadap semua isteri-isterinya. Hal ini sama dengan gambaran yang diberikan pada watak Galuh, walaupun tidak memilih isteri-isteri untuk suaminya tetapi dia sentiasa mengingatkan suaminya supaya berlaku adil terhadap mereka.

Seorang lagi watak wanita Melayu tradisi yang mengikuti tipa kesempurnaan Galuh ialah Intan Terpilih. Terdapat ciri-ciri persamaan yang dapat dilihat kepada kedua mereka. ITP seperti juga Galuh adalah jelmaan seorang puteri dari kayangan. Dia diturunkan ke dunia atas kehendak bapanya dan bukannya atas perintah Betara Guru seperti yang terjadi terhadap Indera Segerba.

Walaupun begitu dia tidak dijelmakan sebagai seorang wanita yang cantik, malah amat bertentangan sekali dengan kecantikan Galuh. Namun begitu dia amat disayangi oleh ibu bapa dan bapa saudaranya kerana dia amat merendah diri, pandai mengambil hati dan bersopan-santun. Setelah kematian kedua ibu bapanya dia amat matang dan pandai menyesuaikan diri hidup di tengah-tengah keluarga bapa saudaranya. ITp sentiasa bersabar walaupun DS sentiasa mencari peluang mempersenda-sendakannya.

Sebagai wanita Melayu sejati, ITp mempunyai sikap menyerah dan amat pasrah terhadap apa yang terjadi. Jika dibandingkan dengan Galuh, watak ini dapat dikategorikan sebagai modul wirawati Melayu tradisi yang lebih banyak bersifat pasif. Dia hanya menerima segala yang ditakdirkan berlaku ke atasnya. Satu lagi sifatnya yang sama dengan Galuh ialah kekerasan hati mereka. Mereka bukanlah wanita yang mudah dipujuk. Galuh merajuk setelah dipukul oleh Inu lalu membawa diri. Sementara ITp pula pada mulanya digambarkan tidak mahu menerima DS kerana mengenangkan perbuatan putera tersebut dan juga perbuatan isterinya, ITp yang telah menyebabkan dia hampir terbunuh. ITp tidak menunjukkan perasaan cintanya kepada DS sehingga lah memastikan Ds benar-benar ikhlas mencintainya. Di dalam kisah HMTJK pula terlihat watak Galuh yang tidak mahu memaafkan Inu sehingga lah Betara Kala terpaksa campurtangan untuk melembutkan hatinya.

Tokoh ketiga wanita Melayu tradisi yang perlu dibicarakan ialah PCK.

Puteri ini juga merupakan jelmaan seorang puteri kayangan yang dilahirkan semula oleh seekor kambing. Tokoh ini merupakan seorang wanita yang unggul. Dia seorang wanita yang cantik sehingga menjadi rebutan putera-putera raja. Namun begitu dia dikatakan tidak mudah menyerah kepada Raja Gambar Maha Sakti (SAB) sehingga Agung datang menyelamatkannya. Kemudian apabila Agung dan Usul Terjali diculik oleh SAB dan dicampakkan ke laut, CK yang menyamar sebagai seorang Pahlawan telah mengembara mencari Agung. Pengembaraannya ini adalah atas arahan nendanya Gangga Sakti. Apabila bertemu dengan Agung dan berjaya memulihkannya dia berpura-pura tidak mengenali tunangannya itu. Sebaliknya berdalih menyatakan dia disuruh oleh seorang dewa menyelamatkan Agung untuk dipertemukan dengan anakandanya Ambong Putera.

PCK seorang wanita yang setia terhadap cintanya. Walaupun setelah berkahwin dengan SAB, dia tetap tidak mahu didekati oleh raja itu. Agung pernah menyamar segatai SAB untuk menguji kesetiaan tunangannya itu. Selepas mengetahui Agung telah berlaku curang, cintanya tetap tidak berubah walaupun dia amat tersinggung dengan perbuatan Agung itu. Dia telah meminta Agung berkahwin secara sah dengan PSS demi menjaga maruah Agung serta keluarga. Dia juga telah bertungkus lumus menyediakan segala kelengkapan perkahwinan Agung dengan puteri tersebut.

Peranan tokoh wanita dalam CSJ pula tidak banyak ditonjolkan kecuali watak PSBKU (dibicarakan dalam 4.5) dan isteri-isteri Panglima Selampit. Wirawati cerita ini, PSBCN seperti lazim bagi watak wirawati cereka Melayu tradisi adalah watak-watak yang pasif. Begitu juga gambaran yang diberikan terhadap watak TPKD dalam HLLB. Dia tidak memainkan peranan yang penting untuk menggerakkan peristiwa. Berbeza pula halnya dengan gambaran tokoh wanita dalam HIN dan SCP. Isteri-isteri IP pernah menyamar sebanyak tiga kali sebagai lelaki supaya mereka tidak dikenali untuk menyelamatkan IP. Mereka juga telah berjaya menghidupkan semula IP setelah dibunuh oleh anak-anak raja yang dengki terhadap kejayaan IP. Walaupun mereka tidak terlibat dalam sebarang pengembalaan dan peperangan, kehebatan mereka tidak dapat dinafikan.

SCP pula menonjolkan dua orang watak wanita yang dapat diklasifikasikan sebagai mempunyai pancaran imej Galuh. Watak PPC digambarkan terpaksa melakukan pengembalaan setelah ayahandanya jatuh sakit. Dalam misi pengembalaannya mencari telur merpati yang diidamkan oleh ayahandanya itu; dia telah menyamar sebagai seorang lelaki iaitu Mambang Kaca Merata. Dalam hal ini unsur-unsur kepanjilan terpancar pada babak pengembalaan dan penyamaran PPC. Namun begitu motif pengembalaannya berbeza daripada yang pernah dilakukan oleh Galuh. Motif pengembalaan PPC ini lebih mendekati motif-motif yang lazim ditemui dalam cerita lipurlara dan cerita hikayat.

Ketika singgah di negeri Kesemi Pura, dia telah memenangi satu sayembara yang dianjurkan oleh raja negeri itu. MKM kemudian telah dikahwinkan dengan PRM. PRM dalam episod ini dikatakan amat mencintai suaminya itu tanpa mensyaki MKM adalah seorang wanita. Babak ini mengingatkan penulis kepada peristiwa perkahwinan Galuh (yang menyamar sebagai PATK) dengan puteri-puteri yang dihadiahkan kepadanya. Puteri-puteri tersebut seringkali digambarkan tidak mengetahui identiti sebenar Galuh. MKM dalam syair ini telah menamatkan penyamarannya setelah mengetahui bahawa hanya RKP sahaja yang boleh mengambil telur merpati tersebut.

Sementara watak wanita kedua terpenting ialah PRS. Dia melakukan pengembalaan untuk mencari RKP setelah rakyat jelata yang dikerah berbuat demikian gagal. Di dalam pelayaran semua pengikutnya terbunuh akibat dipukul ribut dan dia hanyut seorang diri di Laut Raksa Dewa (SCP:hal.261-217). Dia telah berjaya menyelamatkan PRK dan merawatinya. Walaupun babak ini tidak melibatkan unsur penyamaran; motif menyelamat dan mengubati suami mempunyai persamaan dengan peristiwa-peristiwa yang pernah dialami oleh Galuh dalam HMTJK.

Daripada perbandingan-perbandingan di atas, dapat dilihat perubahan dan perbezaan cara perlukisan watak-watak dalam cereka Melayu klasik di antara seorang penglipurlara kepada seorang pengarang hikayat yang lebih terdedah dengan cerita-cerita Panji. Watak-watak seperti PB dan Intan Terpilih masih dalam lingkungan tipa induk yang sama yakni mewakili wanita Melayu tradisi sejati. Mereka bersifat pasif, menerima segala sesuatu yang terjadi dengan amat pasrah dan menyerah. PB umpamanya hanya membiarkan suaminya berfoya-foya dengan gundiknya. Kemudian apabila terlalu tertekan dia melarikan diri tanpa mencari jalan penyelesaian. Begitu juga ITp, dia hanya mengharapkan DS akan mencarinya dan pernah juga terlintas dihatinya bahawa bapa saudaranya telah sengaja membuangnya ke laut; tanpa memikirkan sebab-sebab lain yang mungkin menyebabkan dia dihanyutkan dalam keadaan begitu.

Sebaliknya watak-watak Cahaya Keinderaan dan khasnya Siti Zubaidah lebih menyerlah dan merupakan emansipasi wanita Melayu baru. Cahaya Keinderaan walaunpun hanya terlibat dalam pengembalaan kecil menyelamatkan Agung dan tidak terlibat dalam babak-babak peperangan, tetapi peranannya itu tidak dapat dinafikan penting untuk kesinambungan cerita. Di dalam episod ini pengarang SA hanya mengambil satu aspek sahaja dari perwatakan Galuh lalu diberikan kepada PCK dengan beberapa penyesuaian dan peranan tertentu. Namun begitu identiti PCK sebagai seorang puteri Melayu masih dikekalkan. Sementara pada episod-episod yang lain dia dikekalkan sebagai wanita Melayu yang menyerah kepada aturan lelaki.

Perubahan yang terbesar hanya terlihat pada watak Siti Subaidah.

Balutan peribadi yang penuh dengan didikan agama Islam dan tradisi Melayu menjadikannya seorang tokoh yang patut diteladani. Dia menyerahkan dirinya semata-mata kepada Allah S.W.T, kemudian bertekad untuk mengembara mencari suaminya demi rasa tanggungjawab dan cintanya. Di dalam dirinya tidak pernah ada perasaan marah, iri dan syak wasangka terhadap wanita-wanita disekelilingnya. Keteguhan imannya kepada Allah S.W.T. menjadikannya sukar ditandingi oleh wanita lain termasuk Galuh sendiri. Walaupun kecantikannya, cara penyamarannya dan sesetengah sikapnya ada yang menghampiri Galuh, SZ tetap merupakan seorang tokoh yang mempunyai jati diri. Dia mewakili wanita mukmin dari segi pemikiran, pendirian dan ketokohnanya.

Wanita-wanita unggul ini walaupun sentiasa disayangi dan disegani, tetap juga mempunyai musuh. Galuh dalam **HMTJK** dimusuhi oleh madunya Raden Ratna Lango. Ratna Lango sanggup membuat fitnah menyatakan Galuh telah berlaku curang dengan lelaki lain. Kejadian ini menyebabkan Galuh keluar dari istana bersama kedayan-kedayannya, SZ, ITp dan juga CK juga mempunyai persaingan. Bagi SZ yang memusuhinya bukan madunya seorang sahaja, malah ibu mertuanya sendiri juga tidak mahu menerima kerana dianggap tidak setaraf dengan keturunan mereka sebagai raja. Namun begitu SZ tidak pernah menyimpan perasaan dendam terhadap kedua-dua watak ini.

Begitu juga halnya dengan ITp, dia memaafkan ITs walaupun madunya itu pernah cuba meracunnya. ITs tidak seperti puteri dalam cereka-cereka klasik lain yang insaf setelah menerima hukuman; dia tetap mendendamai ITp, apatah lagi setelah ITp diangkat menjadi permaisuri. Dia telah mengupah seorang dukun untuk mengenakan hikmat kepada puteri ITp. Peristiwa ini menyebabkan DS menceraikannya lalu menghantarnya kembali kepada kedua ibubapanya. Lain pula halnya bagi PCK kerana dia amat menyayangi anak tirinya Ambong Putera walaupun tersinggung dengan perbuatan Agung yang menduakannya.

Watak Galuh seringkali digambarkan sebagai seorang yang sanggup melakukan pengembaraan demi perintah Betara Kala (seperti di dalam HMTJK) atau keluar mencari suaminya (PJT) demi cintanya terhadap Inu. Bagi wirawati-wirawati cereka Melayu klasik pula, mereka sentiasa pasrah menerima takdir Allah S.W.T.

Dalam kisah **SA** terdapat seorang wanita lagi yang lebih menyerlah dan aktif sepanjang pengembaraan dan peperangan antara Agung dan Sultan Beranta iaitu PCU. Selepas dipulihkan oleh Agung daripada sumpahan BG, dia menyamar sebagai seorang lelaki dengan menggunakan nama Pahlawan Udara dan seringkali juga disebut sebagai Johan Pahlawan. Perbezaannya daripada watak Galuh hanya kerana Agung dan Halam mengetahui bahawa dia sebenarnya adalah seorang wanita. Sebaliknya kekeliruan terjadi di antara para puteri di istana PCK sendiri. Umpamanya PPS pernah melarang PCK mengajak PCU tidur bersamanya kerana menyangka dia seorang lelaki sejati.

Di dalam cerita Panji, HMTJK umpamanya terdapat satu watak lain yang turut menyamar sebagai lelaki (selain Ken Bayan dan Ken Sanggit) atas kehendak Betara Kala iaitu Raden Ratna Wilis. Sebaliknya bagi Cahaya Udara dia dan ibu bapanya telah disumpah menjadi kera oleh Betara Gangga. Mereka sekeluarga telah pulih selepas tewas dalam pertarungan dengan Agung dan Halam. Ibumanya dapat kembali ke kayangan, sebaliknya PCU terpaksa ditinggalkan kerana telah bersentuhan dengan Halam. Di dalam kisah ini PCU digambarkan telah dapat mengawal perasaannya terhadap godaan-godaan Halam kerana dia terpaksa mengembara bersama-sama dengan kaum lelaki. Sedangkan di dalam cerita Panji lazimnya pengembaraan Galuh atau Inu hanya akan melibat sesama sendiri dengan para kedayan masing-masing. Semasa pengembaraan Galuh ada kekecualian kerana turut di bantu oleh seorang lelaki. Namun begitu lelaki tersebut adalah dewa yang dititahkan oleh Betara Kala untuk turun membantu Galuh (Kuda Jayengpati - HMTJK)

Galuh dalam pengembaraannya pernah menyamar dengan menggunakan beberapa nama lain (Ken Segerba Ningrat; Endang Kusuma Jiwa) dan juga pernah disetui (disumpah) menjadi lelaki (sebagai Misa Jejuluk Sira Panji Maring Daha; Kelana Merta Jiwa dan Prabu Anom Tambak Kencana). Wirawati-wirawati cereka Melayu tradisi tidak melakukan penyamaran secara total ²⁹ seperti yang

²⁹. Total di sini membawa maksud watak tersebut bertukar menjadi lelaki sepenuhnya dari segi fizikal.

dilakukan oleh Galuh. Penyamaran-penyamaran PCK, PCK(SA), SZ dan SR(SSZ) tidak melibatkan perubahan bentuk fizikal mereka tetapi hanya berpakaian secara lelaki.

Hal ini dapat dilihat sebagai lingkungan pengaruh agama yang ada di dalam masyarakat Melayu pada zaman cerita-cerita tersebut dicipta. SSZ dicipta dengan memasukkan kisah yang berlaku dalam kerajaan-kerajaan Islam. Oleh itu tidak memperlihatkan unsur-unsur kehinduan seperti yang terlihat di dalam teks-teks Panji. Walaunpun Allah S.W.T. berkuasa melakukan apa sahaja terhadap hambanya tetapi ia tidak pernah menonjolkan diri atau terlibat secara terang-terangan seperti kepercayaan Hindu terhadap dewa-dewa. Oleh kerana itu watak-watak tersebut tidak pernah digambarkan melakukan penyamaran secara total semasa pengembalaan mereka.

4.3.3. Perbandingan Peranan Dewa-Dewa Dalam CP dan CMK

Salah satu unsur yang ketara di dalam cerita Panji ialah dewa-dewa memainkan peranan yang amat penting. Malah dewa-dewalah yang menentukan sesuatu yang akan berlaku dan bila berakhirnya sesuatu peristiwa. Bak kata Betara Kala "biarlah aku pisahkan mereka semua supaya berpanjangan lelakon ini selanjutnya".(HMTJK- hal.81) Dengan kata lain; dewa-dewa di kayangan di dalam cerita Panji bukanlah sesuatu yang aneh di dalam masyarakat Jawa tradisi yang amat tebal dengan anutan agama Hindunya.

Di dalam HMTJK terdapat beberapa orang dewa yang terlibat secara langsung dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Dewa yang paling banyak melibatkan diri dan campurtangan dalam kisah ini ialah Betara Kala (walaupun arahan utama adalah dari Sang Hyang Sukma (Betara Guru). Dialah mengawal segala perjalanan ("lelakon") peristiwa di mayapada ini. Dia telah mengarahkan Betara Naya Indera dan isterinya Dewi Mandurati turun ke dunia menggantikan Pandawa sebagai Ratu Kuripan dan Tanah Jawa. Kemudian apabila ratu-ratu Kuripan dan Daha berkaul inginkan anak, dia telah menyuruh pula Betara Karma Jaya dan Dewi Segerba Indera turun ke dunia menjelma sebagai manusia. Kedua-dua tokoh inilah yang kemudiannya memainkan peranan yang penting di dalam cerita Panji.

Seorang lagi tokoh dewa yang diarahkan turun ke dunia ialah Dewa Prabu Jaya. Dia dititahkan supaya menjadi penggawa kepada GCK dan dikenali dengan nama Kuda Jayengpati.

Penglibatan dewa-dewa kayangan dalam mengatur segala sesuatu tentang kehidupan manusia tidak begitu ketara di dalam semua genre cereka Melayu. Hanya cereka-cereka yang lahir di zaman awal atau merupakan saduran daripada tradisi Hindu umpamanya **HSR** dan **HPL** mempunyai unsur-unsur tersebut dengan nyata.

HMD sebagai sebuah lipurlara tidak menunjukkan peranan dewa-dewa yang menguasai manusia sebagaimana lazimnya di dalam cerita Panji. Di dalam HMD watak-watak dewa-dewinya (PB, ayahandanya serta tunangannya Mambang Molek) tidak mampu menguasai MD. Malah Mambang Molek telah tewas di tangan MD semasa peperangan merebut PB. Peranan PB sebagai seorang dewi kayangan juga tidak sehebat GCK. Dia tunduk dan akur di bawah kekuasaan MD (manusia) apabila baju layangnya diambil oleh MD. PB juga akur apabila suaminya tidak memperdulikan dia dan anaknya. Hanya setelah anak itu pandai berjalan jatuh dia melarikan diri ke kayangan.

Peranan dewa-dewa lebih ketara dalam SA, SDS serta HLLB. Dalam SA hampir separuh dari watak-watak yang terlibat adalah dewa-dewa dari kayangan. Nenda Agung, Betara Gangga Sakti merupakan kuasa yang tertinggi. Dialah yang mengarahkan supaya ketiga-tiga orang cucunya itu diturunkan ke dunia untuk menjadi raja-raja besar di jagat raya ini. Agung, Halam dan Cahaya Keinderaan dan Cahaya Udara merupakan antara dewa dan dewi kayangan yang menjelma turun ke dunia menjadi manusia. Walaupun secara lahiriahnya mereka itu manusia biasa tetapi dari segi batiniahnya mereka mempunyai darjah yang tinggi kerana mempunyai roh seorang dewa di dalam tubuh mereka. Dalam karya ini terdapat ramai sekali watak dewa kayangan walaupun latar yang mendominasi peristiwanya adalah dunia. Betara Gangga sendiri bersama-sama anak menantunya telah turun ke dunia apabila Agung dan saudara-saudanya ^{ra} berkumpul di Gemala Gerudi.

Watak dewa dalam SDS ditemui sejak episod awal lagi yakni kisah Dewa Betara Indera yang terpaksa membuang anaknya. Gemala Sakti ke dunia untuk mengelakkan daripada terjadinya perperangan. Walaupun tidak sehebat Betara Guru atau Betara Kala tetapi ia juga mempunyai peranan dalam menentukan terjadinya sesuatu peristiwa. Dia telah membuang anaknya ke dunia untuk dilahirkan semula oleh permaisuri Karang Bersulam dalam keadaan yang amat hodoh. Kemudian apabila mengetahui anakandanya itu amat bersedih hati dan setelah melihat perperangan terjadi antara DS dan DIS kerana merebut ITp, dia telah mengambil semula nyawa ITp. Hal inilah yang menyebabkan berlakunya peristiwa pengembalaan DS setelah ITp terpaksa dihanyutkan ke laut di atas sebuah rakit kerana nasihat para nujum. Apabila RSBI menjumpai ITp dan bersungguh-sungguh memohon daripada Tuhan supaya puteri itu dihidupkan kembali, sekali lagi dewa ini telah memasukkan semula nyawa ke dalam jasad anakandanya itu.

Seorang lagi tokoh dewa yang mempunyai peranan yang penting di dalam SDS ialah Dewa Indera Syahperi yakni sepupu kepada Gemala Sakti. Dia telah mengembara sehingga ke dunia mencari sepupunya itu dan telah menjumpainya semasa ITp dimandikan di Tasik Lombongan Segara. Pada mulanya dia ingin melaikan ITp tetapi telah membatalkan niatnya itu, apabila mengetahui bahawa DS amat mencintai ITp. Namun begitu akibat layanan buruk daripada ayahanda DS, yang marah kepadanya kerana mendirikan kota di hujung negeri, dia telah menukar semula hasratnya itu. Perperangan antara DIS dan DS inilah yang

menyebabkan nyawa ITp diambil semula oleh ayahandanya dan DIS akhirnya mati di tangan DS. Lelayonnya telah diangkat oleh ayahandanya ke kayangan lalu dihidupkan semula. DIS kemudian telah turun semula ke dunia membantu DS dalam perperangan menentang RSBI dan BMP untuk merebut kembali ITp yang jatuh ke tangan mereka.

Dewi Gemala Sakti merupakan satu-satunya dewi kayangan yang terlibat secara langsung dalam kisah SDS. Namun begitu peranannya seperti juga PB(HMD) tidak seaktif GCK walaupun dia merupakan wirawati cerita ini (lihat perbincangan 4.3.2.). Watak dewa lain yang terlibat di dalam cerita ini ialah seekor naga yang tinggal di tasik tempat letaknya pohon pauh janggi yang diidamkan oleh ITp semasa mengandungkan puterinya. DS telah berjanji dengan naga tersebut untuk mengahwinkan puterinya dengan naga itu setelah cukup umur puteri itu tujuh tahun. Sumpahan ke atas dewa tersebut telah lenyap apabila naga itu tewas di tangan anakanda DS. Dewa ini akhirnya dikahwinkan dengan puteri DS itu.

Dalam HLLB pula, Indera Bumaya dikatakan sentiasa ditolong oleh dewa-dewa dari kayangan semasa pengembaraannya. Dewa Langlang Buana, nenda kepada Puteri Kusuma Dewi telah memainkan peranan penting untuk menyatukan Indera Bumaya dengan PKD. Dia telah melarikan PKD lalu dijatuhkan di gua Rangka Singa menyebabkan terjadinya perperangan antara Indera Bumaya dengan Raja Biram Dewa. Kemudian apabila Seri Maharaja Sakti bertemu dengannya supaya menolong IB, dia telah menitahkan RBD mengembalikan PKD

kepada ayahandanya. Atas titahnya juga IB dan PKD dikahwinkan. Kemudian apabila terjadi perperangan antara IB dengan RIS (bekas tunangan PKD) Langlang Buana telah membantu IB menewaskan anak Maharaja Indera itu.

Tokoh cerita ini, iaitu IB sendiri juga merupakan seorang dewa (Maharaja Belia Kesna) yang terpaksa turun menjelma ke dunia menjadi bunga melur setelah tewas berperang dengan ayahanda RIS. Oleh kerana itu bagi Langlang Buana memang patut IB berkahwin dengan PKD bagi menuntut bela atas perbuatan MDI itu.

Sementara CSJ pula menonjolkan seorang watak dewi iaitu TPSBKU yang dikatakan tinggal di kayangan. Dewi ini, seperti gambaran yang terdapat dalam cerita-cerita Panji; mengetahui segala yang telah, akan dan sedang berlaku di dunia. Dalam kisah ini tidak diterangkan siapa sebenarnya TPSBKU atau apa hubungannya dengan TP. Walaupun tidak berkuasa sepenuhnya mengawal dunia seperti Betara Guru, TPSBKU banyak memainkan peranan penting membantu TP dan saudara-saudaranya. Bantuan-bantuan tersebut berupa senjata-senjata untuk menewaskan musuh TP dan adik-adiknya. Selain itu dia juga pernah mengambil sendiri botol nyawa SAD bagi membantu TP memenangi perperangan antara keduanya.

Penulis-penulis karya-karya agung Melayu (**HHT** dan **SM**) tidak begitu menonjolkan watak dan peranan dewa dengan ketara. Hanya pengarang **HHT** yang menghubungkan asal-usul keturunan raja-raja Melayu (Bukit Seguntang) dengan Sang Perta Dewa dan Puteri Ratna Pelinggam. Unsur-unsur Hindu di dalam **HHT** ini mempunyai persamaan dengan episod cerita Panji (lihat perbincangan 4.2.). Dalam hal ini pengaruh cerita Panji kuat memberikan inspirasi kepada pengarang-pengarang Melayu untuk menulis sebuah roman kepahlawanan Melayu. Namun begitu **HHT** mempunyai keunikan tersendiri yang berbeza dari cerita Panji kerana tidak menonjolkan kehebatan seorang anak raja. Sebaliknya memusatkan kehebatan tersebut kepada Hang Tuah dengan menonjolkan semangat dan keperwiraan anak Melayu.

Bagi pengarang **SM** pula, beliau tidak mengaitkan unsur-unsur dewa ini secara langsung. Sebaliknya mengambil legenda dalam tradisi Islam mengenai keagungan Iskandar Zulkarnain. Persoalan alam kayangan langsung tidak disentuh kerana pengarang ini mempunyai latar belakang dan suasana masyarakat Islam. Namun begitu untuk memperkuuhkan kedaulatan raja-raja Melayu di mata masyarakat Melayu tradisi maka unsur-unsur kedewaan seperti yang terdapat dalam cerita Hindu-Panji, tetap ditonjolkan kepada ketiga-tiga orang putera raja yang diturunkan di Bukit Seguntang itu. Nila Utama, Nila Pahwalan dan Kerisyna Panditha telah membawa bersama mereka seekor lembu putih. Lembu tersebut telah memuntahkan Bat, yang bertanggungjawab untuk menjalankan upacara penobatan Sang Sapurba Taramberi Teribuana (Nila Utama) di Bukit Seguntang.

4.4. Perlukisan Latar Di Dalam Cereka Melayu Klasik

Latar adalah ruang untuk sesuatu peristiwa berlaku. Ruang ini semestinya mempunyai tempat dan masa bagi sesuatu kejadian itu berlaku. Bagi cerita Panji latar tempatnya secara umum berlaku di dua latar utama iaitu di dunia (Tanah Jawa) dan di alam kayangan. Lazimnya cerita bermula dengan peristiwa yang berlaku di kayangan. Umpamanya dalam **HMTJK** bermula dengan pertemuan di antara para dewa yang bermesuarat bagi menentukan pengganti Pandawa di dunia. Sementara di dalam **HCWP** pula Inu dan Galuh dijelmakan ke dunia sebagai langkah memisahkan mereka demi mengelakkan terjadinya cinta antara dua bersaudara.

Setelah itu barulah bermula episod-episod di dunia yakni di Tanah Jawa yang lazimnya merangkumi Kuripan, Daha, Gagelang dan Singasari. Latar tempat ini boleh diperkembangkan oleh pengarang cerita Panji sehingga meliputi Majapahit, Lasem, Tuban , Bali malah boleh menjangkau sehingga ke Tanah Melayu.

Masyarakat yang menjadi latar kepada penceritaan cerita Panji berkisar kepada masyarakat di tanah Jawa dengan budaya dan nilai Jawa yang amat jelas. Tumpuan penceritaan ialah kepada golongan kraton yang menjadi pemerintah kerajaan Jawa. Oleh itu segala penonjolan sama ada dari segi watak perwatakan dan suasana kebudayaan adalah berkisar di sekitar istana. Rakyat jelata hanya menjadi penghias dan pengukuh kepada gambaran tersebut.

Latar masa kisah Inu dan Galuh ini sering menjadi topik dibincangkan antara para sarjana. Mereka cuba mengaitkan kisah tersebut dengan sejarah kecemerlangan kerajaan-kerajaan Jawa terutamanya dalam zaman Kameshwara I dan Erlangga. Walau apapun, yang nyata menurut karya-karya Panji tersebut, kisah ini berlaku ketika kemuncak kegemilangan kerajaan-kerajaan Jawa.

Dalam memperkatakan latar yang menjadi pusat penceritaan dan tempat kejadian dalam cereka Melayu klasik, lazimnya terdapat kecenderungan oleh pengarang-pengarang Melayu awal menggunakan latar yang tidak dapat ditelusuri dalam sejarah. Umpamanya negeri-negeri Mendam Berahi dan Karang Bersulam (**SDS**), Tanah Indera (**SCP**) dan Gemala Gerudi (**SA**). Namun begitu tempat kisah-kisah tersebut berlaku masih lagi di dunia. Kekecualian hanya terlihat pada cerita-cerita tertentu terutamanya cerita-cerita yang mempunyai latar sejarah seperti **SM**, **HHT**, **SSZ** dan **SCJ**.

Di dalam cerita lipurlara pemerian latar agak terbatas. Misalnya Malim Deman (**HMD**) hanya mengembara dari Bandar Muar ke Hulu Muar dan kemudian ke kayangan. Begitu juga halnya yang berlaku di dalam **CSJ**, watak-watak utamanya hanya mengembara dari negeri Kedah Tua ke Tanah Johor. Dalam pengembalaan Terung Pipit dan adik-adiknya ini mereka singgah di Pulau Rencana dan kemudian terpaksa merentasi lautan api, lautan asap, lautan kangkung dan seumpamanya apabila mengembara mencari mas kahwin bagi Tuan Puteri Cahaya Nurani. Alam

Nurani. Alam kayangan juga disentuh kerana Terung Pipit sentiasa berhubungan dengan PSBKA di kayangan untuk mendapatkan bantuan.

Keterhadan latar yang ditemui dalam cerita-cerita lipurlara ini mempunyai kaitan dengan sifatnya sebagai sebuah karya lisan. Wacana penyampaian cerita-cerita ini melalui medium pertuturan menuntut pengarangnya supaya meringkaskan penceritaan. Walaupun begitu pengarang masih mampu memperjelaskan gambaran penceritaan dengan menggunakan unsur-unsur gaya bahasa tertentu terutamanya puisi. Umpamanya dalam cerita HMD gambaran mengenai Bandar Muar dan kepesatan perkembangannya dilukiskan melalui puisi berikut;

"...berpatutan dengan peraturan bangun sifat negeri itu
terlalu permai elok majelis rupanya:

Medannya indah bukan kepalang
Rantaunya luas bagi dibentang
Tebingnya tinggi bagai diraut
Pasirnya serong bentuk tajji
Batunya ada besar dan kecil
Yang kecil pelontar balam
Jika untung kena ke balam
Jikalau tidak kena ke tanah
Menderu selawat ibu ayam
Elang disambar punai tanah

Maka adapun negeri itu baharu dibuka oleh baginda;
adalah seperti gurindam orang dahulukala:

Awak tua bandar terbuka
Emas habis dagangan mudah
Kerbau kambing sesak di padang
Itik angsa tenang di kuala
Merpati lindungan langit
Rengkiang tujuh sejar
Teman dengan sekerat kota

Emas perak penuh dirumah
Tangga rumah emas bertuang
Ibu tangga emas bertitik
Bantuan sawa mengulur
Penuh sesak hamba sahaya
Ada yang empat senama
Ada yang lima senama
Dilaung di rumah di tanah menyahut
Dilaung di tanah di rumah menyahut.³⁰

Berbeza halnya denganan cereka-cereka Melayu klasik yang berbentuk tulisan. Penggunaan tulisan sebagai medium penceritaan mengizinkan pengarang Melayu untuk bercerita dengan lebih panjang. Hal ini menyamai cerita Panji yang melukiskan gambaran-gambaran latarnya dengan panjang dan terperinci. Namun begitu dalam kesusasteraan Melayu klasik latar tempatnya tidaklah terikat dengan satu tipa induk sahaja seperti yang berlaku dalam cerita Panji yakni hanya berlaku di Jawa dan sekitarannya sahaja. Misalnya peristiwa SSZ berlaku di Kembayat Negara, Pulau Pelinggi, Yunan, China dan Araqan Qastan. Begitu pula HHT yang memaparkan kisah-kisah meliputi di Bentan, Melaka, Majapahit, Siam, China, Benua Keling dan sebagainya.

Dalam sastera tulisan sering ditemui unsur pengembalaan yang panjang dan melibatkan latar yang banyak. Latar tempat yang luas dan latar masa yang panjang ini membolehkan watak-watak utama bergerak dengan lebih bebas dan gambaran peristiwa, watak perwatakan serta suasana juga dapat dibuat dengan

³⁰ .Pawang Ana;op.cit.hal 1

secara terperinci. Hal ini membolehkan pengarang menonjolkan kehebatan tokoh-tokoh utama dengan lebih banyak. Penceritaan juga tidak hanya melibatkan satu generasi wira tetapi membawa sehingga kepada anak dan cucu mereka. Umpamanya dalam **SDS** penceritaan melibatkan sehingga kelahiran cucunda watak wira. Begitu juga bagi **SA** dan **SCP** yang turut melibatkan kehebatan anak-anak wira pada bahagian akhir cerita. Hal ini berbeza daripada cerita-cerita Panji yang hanya menceritakan tentang satu generasi wira sahaja.

Dalam **HHT** dan **SA** pembentukan latarnya lebih mendekati cerita-cerita Panji, penceritaan dimulakan di alam kayangan. Pengarang **HHT** menceritakan tentang Sang Perta Dewa yakni raja di Keinderaan yang turun ke Pulau Biram Dewa lalu berkahwin dengan TPRP yang juga merupakan puteri keinderaan. Mereka kemudian dikurniakan putera yangni Sang Sapurba yang dinobatkan di Bukit Siguntang. Anakanda-anakanda baginda iaitu Sang Maniaka ditabalkan di Bentan, Sang Jaya Nantaka di Benua Keling, Sang Saniaka di tanah Jawa dan Sang Satiaka di Minangkabau. Kenyataan ini menunjukkan bahawa anak-anak Sang Sapurba lebih hebat daripada anak-anak Betara Indera (**HMTJK**) yang hanya mampu menakluki tanah Jawa sedangkan anak-anak Sang Sapurba mampu menakluki ke Benua Keling dan seluruh Nusantara.

Gambaran tentang alam kayangan juga menjadi latar permulaan bagi cerita **SA**. Peristiwa besar yang berlaku di kayangan ialah ketika Gangga Sakti menitahkan ketiga-tiga cucundanya diturunkan ke dunia. Ketiga-tiga putera raja

tersebut yakni Agung, Halam dan Cahaya Keinderaan dijelmakan ke dunia dan dilahirkan semula oleh tiga ekor binatang. Kemudian setelah kematian ketiga-tiga bonda mereka, watak-watak ini mengembara ke negeri Beranta Kilauan tempat berlakunya peristiwa Cahaya Keinderaan yang dilarikan oleh Raja Gambar Maha Sakti.

Selepas peristiwa inilah, berlakunya peristiwa pengembaraan Agung dan kemudian diikuti oleh Halam yang melibatkan beberapa latar yang penting seperti gua tempat persembunyian Puteri Seroja Seri yang dimukahi oleh Agung. Selepas itu mereka memasuki negeri Benderong Sakti. Puteri Cahaya Keinderaan yang diselamatkan oleh Agung mendirikan negeri Gemala Gerudi dan pada masa yang sama banyaklah kerajaan-kerajaan yang datang meminta pertolongan daripada Agung untuk menyelesaikan masalah mereka.

Bagi teks-teks kajian lainnya walaupun cerita bermula di dunia sebagai pengenalan, cerita-cerita tersebut juga telah melibatkan latar yang luas. Misalnya SCP dikatakan berlaku di Tanah Indera yakni sebuah negeri yang dikatakan terdapat di Jawa.

Dengarkan tuan suatu cerita
Ceritanya Jawa di Tanah Indera
Kerajaannya besar tidak terkira
Namanya Raja Gemala Putera.³¹

³¹ Dzulkarnain; op.cit:hal.1

Petikan ini menunjukkan pengarang sengaja mengambil latar Jawa sebagai tempat berlakunya peristiwa penceritaan tersebut sebagai daya penarik. Namun begitu didapati bahawa Tanah Indera yang disebut ini tidak pernah wujud di dalam sejarah kerajaan-kerajaan Jawa yang agung. Penggunaan Tanah Indera sebagai latar negeri lebih mendekati ciri-ciri negeri yang lazimnya terdapat dalam cerita Melayu klasik khasnya cerita lipurlara. Apatah lagi gambaran masyarakat yang menjadi latar cerita ini juga tidak menggambarkan unsur-unsur kejawaan sama ada bagi masyarakat kratonnya maupun masyarakat banyaknya. Tidak ada unsur-unsur berkaul yang lazim dilakukan oleh ratu-ratu Jawa untuk mendapat anak. Watak-watak utamanya mengembara tanpa ditemani oleh para penakawan yang setia dan melucukan. Faktor-faktor ini telah menolak pendapat Dzulkarnian Hj. Abd. Rahman yang mengatakan bahawa SCP adalah salah sebuah cerita Panji Melayu.

4.4.1 Perbandingan Citra Alam Kayangan Di Dalam Cerita Panji dan Cerita Melayu Klasik

Kisah-kisah dalam cerita Panji lazimnya dimulakan dengan latar penceritaan tentang dewa-dewa di kayangan. Alam kayangan tersebut digambarkan merupakan suatu tempat yang terindah dan tidak dapat ditandingi oleh tempat-tempat di dunia. Kehidupan dewa-dewa di kayangan juga digambarkan hampir menyamai tata aturan masyarakat di dunia. Terdapat dewa-dewa yang diarahkan turun ke dunia atau dijelaskan ke dunia atas arahan Betara Kala.

Konsep alam kayangan bagi masyarakat Jawa seperti yang terpancar melalui cerita-cerita Panji amat ketara. Masyarakat Jawa kuno menganggap alam kayangan sebagai tempat yang paling suci dan hanya didiami oleh para dewa yang menguasai dan mengawal dunia. Mereka juga mempercayai bahawa raja-raja di Jawa adalah penjelmaan dewa-dewa yang diturunkan ke dunia untuk memerintah Jawa. Hubungan alam dunia dengan kayangan selepas dewa-dewa ini diturunkan ke dunia masih lagi merupakan hubungan langsung. Namun begitu dewa-dewa di kayangan yakni Betara Kala dan Betara Guru mempunyai kuasa mengawal dan menentukan segala tindak-tanduk manusia di bumi supaya terus tunduk di bawah kekuasaan ghaib dari kayangan.

Dalam penceritaan cereka Melayu klasik juga seperti dalam cerita Panji terdapat satu kesejagatan yang memperlihatkan bahawa orang Melayu mempercayai adanya satu lagi tempat yang lebih agung dan lebih suci daripada dunia yakni alam kayangan. Alam khudus ini dipercayai terletak di atas udara (langit). Alam ini digambarkan terlalu indah-indah dan hanya didiami oleh makhluk-makhluk yang istimewa yakni para dewa. Tempat suci ini tidak boleh didiami oleh manusia biasa. Hanya manusia yang istimewa dan luarbiasa sahaja yang dapat sampai ke alam tersebut. Konsep alam kayangan dalam masyarakat Melayu menampakkan pengaruh Jawa-Hindu. Ini kerana alam kayangan dipercayai merupakan tempat rujukan dan meminta bantuan untuk menyelesaikan masalah-masalah di dunia.

Umpamanya di dalam **CSJ** Terung Pipit sentiasa dibantu oleh Tuan Puteri Selindung Bulan Kayangan Udara yang tinggal di kayangan. Puteri ini telah menyelesaikan hampir kesemua masalah yang dihadapi oleh Terung Pipit. Misalnya untuk mengalahkan Tok Rancang Besi Rancang Tembaga, Tuan Puteri ini telah memberikan Terung Pipit Jala Sembilan Ulai. Baginda juga telah berusaha mengambil cembul sakti tempat nyawa Syamsul Alam Dunia disimpan. Begitu juga dalam **HLLB** yang mencerita bagaimana watak wiranya Indera Bumaya sentiasa dibantu oleh Dewa Langlang Buanà semasa dalam pengembaraannya.

Satu perbezaan di antara cereka Melayu klasik dan Panji ialah masyarakat Melayu percaya bahawa seorang manusia biasa juga mampu sampai ke kayangan sekiranya dia memiliki keistimewaan dan kesaktian. Malah seringkali digambarkan watak-watak manusia luarbiasa ini mampu menewaskan dewa-dewa dari kayangan. Cerita begini lazim ditemui dalam cerita-cerita lipurlara dan juga sastera hikayat. Umpamanya dalam **HMD** dan **CSJ** kedua-dua tokoh utama cerita-cerita berkenaan berjaya sampai ke kayangan. Malah Malim Deman digambarkan telah berjaya menewaskan Mambang Molek tunangan Puteri Bongsu.

Penutur **HMD** juga membuat satu pembaharuan yang amat menarik tentang konsep alam kayangan ini. Beliau telah mengubah teknik yang lazim digunakan oleh pengarang-pengarang Jawa yang sering mengaitkan kayangan dengan pemerintah di Jawa. Di dalam ceritanya penutur **HMD** mengatakan bahawa keturunan Raja-raja di Bandar Muar adalah dari syurga seperti dalam petikan berikut:

"Bukan teluk parang-parang
Anak ketam di dalam padi
Telutuh dilepuh-lepuh
Enayang di balik rumah
Bukan makhluk sebarang-barang
Cucu Adam sepian Nabi
Turun di langit yang tujuh
Jadi khalifah pada Allah.³²

Pengarang cerita ini mengaitkan keturunan raja Bandar Muar dengan Nabi Adam A.S. Kisah Adam yang diturunkan ke dunia oleh Allah dari syurga hampir menyamai kisah dewa yang diturunkan dari alam kayangan ke dunia. Kedua-duanya diturunkan dengan motif yang sama yakni untuk menjadi pemerintah di dunia dan menjadi wakil kepada Yang Maha Kuasa. Perubahan yang dibuat ini amat menarik kerana pengarang berjaya mengubah konsep Hinduisme kepada unsur yang mempunyai nilai-nilai keislaman. Kesebatian kepercayaan masyarakat tradisi bahawa raja-raja adalah dewa-dewa yang dijelaskan dari kayangan berubah kepada manusia yang diturunkan oleh Allah sebagai khalifahNya untuk mentadbir bumi.

³² op.cit.hal.1

Selain untuk menjadi pemerintah di dunia, dewa-dewa di dalam cerita-cerita Panji juga diturunkan atas beberapa sebab lain. Ada di antara dewa-dewa yang diturunkan ke dunia sebagai hukuman kerana telah melakukan kesalahan semasa berada di kayangan. Dunia dianggap sebagai penjara bagi orang berdosa dari kayangan. Episod ini juga mengingatkan kembali kepada peristiwa Adam dan Hawa yang dimurkai oleh Allah kerana melanggar perintahnya lalu diturunkan ke dunia.

Kisah dewa-dewa kayangan yang dimurkai lalu dibuang ke dunia ditemui dalam **SDS** dan **SA**. Dalam **SDS** diceritakan peristiwa Dandan yang berjanji untuk menyerahkan puterinya yang bakal lahir kepada naga penunggu tasik tempat dia mendapatkan buah pauh janggi yang diidamkan oleh permaisurinya. Penyerahan puteri tersebut telah menghilangkan sumpahan terhadap naga ini dan rupa paras dewa ini telah kembali seperti sediakala.

Sementara di dalam episod **SA** pula dapat dilihat peristiwa Agung ditawan oleh hantu kayuan tiga beranak. Halam telah dapat membunuh mereka dan sumpahan terhadap mereka pun berakhir. Dewa-dewa ini kembali ke kayangan kecuali anak perempuan mereka yang tidak dapat berbuat demikian kerana telah disentuh oleh Halam. Cahaya Udara selepas peristiwa itu mengikut pengembalaan Agung dan Halam dengan menyamar sebagai Pahlawan Udara.

Selain itu ada juga dewa-dewi yang diturunkan ke dunia untuk mengelakkan sesuatu kejadian yang tidak diingini di kayangan. Umpamanya kisah yang dipaparkan di dalam HCWP kedua-dua tokoh diturunkan ke dunia sebagai Inu dan Galuh untuk mengelakkan terjadinya percintaan di antara saudara kandung. Kisah Intan Terpilih dibuang oleh ayahnya ke dunia untuk mengelakkan terjadinya perperangan akibat merebut puteri itu pula ditemui dalam episod awal SDS.

Ringkasnya, dapat diterangkan bahawa pengarang-pengarang Melayu masih tetap memilih skema yang ada dalam tradisi kepengarangan Melayu klasik. Unsur-unsur sastera lisan dan lipurlara masih ketara dalam perlukisan latar cerita Melayu tradisi yang menjadi bahan kajian. Latar Jawa tidak begitu mempengaruhi cerita-cerita Melayu ini kerana pengarang cuba menyesuaikannya dengan situasi masyarakat tempatan.

Walaupun wujud dua latar; dunia dan kayangan seperti yang lazimnya terdapat dalam cerita Panji; latar-latar tersebut mempunyai perbezaan yang agak ketara. Ini kerana dunia atas (kayangan) dalam cereka Melayu tidaklah bertindak sebagai pengawal dan penentu segala kejadian di dunia bawah (dunia).

Imej dan suasana masyarakat dalam cereka Melayu tradisi masih tetap dikenalkan dengan citra budaya Melayu. Walaupun banyak ungkapan-ungkapan bahasa Jawa yang digunakan untuk melukis suasana cerita, ia tidak mempengaruhi gambaran perlukisan suasana masyarakat Melayu.

4.5. Pancaran Cerita Panji Dalam Penggunaan Gaya Bahasa Cerea Melayu Klasik

Gaya atau 'style' merujuk bagaimana pengarang memanipulasi unsur-unsur bahasa dalam satu cara tertentu. Cerita-cerita Panji memang telah diketahui oleh masyarakat Melayu dan telah berjaya menakluk hati mereka. Bagi pengarang-pengarang cereka Melayu tradisi cerita ini telah menjadi sumber inspirasi untuk mereka menggubah karya-karya yang baru.

Kekaguman pengarang Melayu terhadap cerita itu dapat dilihat melalui penggunaan gaya bahasa mereka. Pengarang-pengarang ini banyak sekali menggunakan kata-kata Jawa sebagai alternatif kepada kata-kata Melayu. Cerita-cerita Panji secara langsung telah menyumbang ke arah perkayaan perbendaharaan kosa kata Melayu. Teks-teks seperti **HHT** dan **SM** banyak menggunakan pilihan kata Jawa terutamanya dalam episod-episod tertentu seperti Bab III dan episod ke Majapahit dalam **HHT**. Begitu juga dalam **SDS**, **SA** dan **SCP** terdapat banyak kata-kata Jawa yang digunakan oleh pengarang untuk menggambarkan watak perwatakan dan juga suasana penceritaan. Secara ringkas contoh-contoh pilihan kata Jawa dalam teks boleh kita lihat seperti berikut:

Jadual III: Contoh Pilihan Kata Jawa Di Dalam Beberapa Teks Pilihan

KARYA	HHT	SM	SDS	SA	SCP
CONTOH PILIHAN KATA JAWA	Inu Patih kula manira pakanaira betara paman rama kiai	Raden Patih betara kula geger wong dene kekawin	aria ningsun gusti anom edan jayeng wagah wilis lanang berangta	betara gusti ingsun	Raden anom jayeng sampean manjangan gusti sira patih

Ada juga pengarang-pengarang Melayu yang memetik atau memasukkan secara langsung ungkapan-ungkapan yang lazim ditemui dalam cerita Panji. Misalnya penceritaan tentang Raden Inu Daha yang datang ke Tanah Melayu (HHT). Gambaran perlukisan watak tersebut mengingatkan langsung kepada gambaran yang sering diberikan kepada Panji.

"...Maka segala perempuan dalam negeri Bentan itupun terlalu berahi akan Raden Wira Nantaja itu. Maka sekalian yang beranak meninggalkan anaknya berlari-lari pergi melihat dan sekalian yang baharu berlaki sedang tengah bergurau dengan lakinya berlari-lari tinggalkan lakinya; segala yang bersaudara tinggalkan saudaranya. Ada yang berlari sambil memakai kain, ada yang terurai-urai rambutnya tiada tersanggul, ada yang terdada-dada sambil berlari-lari katanya, "Susuku inilah akan persesembahanku pada Raden Inu, biarlah aku tiada makan sehari"³³

³³ op.cit.hal.61

Selain itu terdapat juga ungkapan-ungkapan yang menggunakan bahasa Jawa. Lazimnya ungkapan ini dituturkan oleh orang-orang Jawa dalam kisah berkenaan. Penggunaannya dapat merealisasikan situasi penceritaan. Contohnya;

- i) Geger wong ing panggung dene Sangka Ningrat teka penjurit ratu ing Daha.
(Gempar orang di atas panggungan sebab melihat Sangka Ningrat datang itu, hulubalang ratu Daha)(SM:89)
- ii) Dimene kang sampun pejah kabih isun putra dalam iki balene sundapani
(Biarnyalah habis mati semuanya, akan aku anak orang inipun padalah)(SM:159)

Pengaruh cerita Jawa-Panji juga dengan terpancar melalui perbandingan-perbandingan yang dilakukan oleh pengarang-pengarang Melayu secara langsung. Umpamanya melalui penggunaan syair dan pantun berikut yang dipetik dari teks-teks kajian.

Ayuhai adinda **Galuh Kencana**
Sifat nan lengkap tujuh laksana
Kasihani apalah kekanda yang hina
Menyapu sampah di dalam istana

Akan raja Indera Putera
Parasnya majelis sedang gahara
Cantik molek penglipurlara
Seperi **Inu anom asmara**

Selengkap pakaian sudah terkena
Cantik majelis muda teruna
Bertambah cahaya gemilang warna
Rupa seperti **Galo Kirana**

Dipeluk dicium serta diriba
Adikku ingsun **Indera Segerba**
Abang nan mabuk bagai dituba
Dengan gusti membuat selamba

Menarik selubung seorang-orang
Segera disambut muda yang garang
Diangkat diriba pujuk tak kurang
Seperti cerita **Panji Semirang**

Melenggangkan keris seraya mendekati
Mendapatkan sultan muda mengerti
Cantik manis yang sejati
Seperti **Inu Kertapati**

Raden Inu Kertapati
Tunang Galoh Kertapati
Kami tidak takutkan mati
Maka membuat demikan peri (**SDS**)

Terlalu sangat suka Sang Nata
Anakanda dinamakan dengan sukacita
Kesuma Pengerta Raden Mahkota
Inang pengasuh dilengkapi serta

Tetapi sabar **Raden Menteri**
Berhenti dahulu barang tiga hari
Kemudian baru keluar mencari
Adinda serta mengiringkan diri

Serta berperi-peri
Tersenyum simpul memandang puteri
Aria ningsun singilir sarai
Dewa Sunan gemala negeri (**SCP**)

Menarilah konon joget kedua
Menari sambil suka tertawa
Cantik majelis utama jiwa
Iaksana **Galuh di benua Jawa (SSZ)**

Ada kain songket permata
Tenun Puteri Galuh Kencana
Ada lain buangkan beta
Kerana beta dagang yang hina (**HMD**)

Pengarang SDS pada rangkap-rangkap di atas menggunakan gaya a perbandingan alusi yakni membandingkan watak dan perwatakan secara langsung dengan watak atau peristiwa yang ada dalam cerita Panji. Umpamanya pada petikan ketiga SDS pengarang membandingkan kekacakan DS dengan kecantikan Galuh. Sementara pada petikan keempat pula DS dibandingkan dengan Betara Karma Wijaya (Panji dalam HMTJK) Penggunaan perbandingan-perbandingan tersebut memperlihatkan pengaruh Panji diketahui oleh pengarang-pengarang Melayu dengan begitu baik sekali. Cerita-cerita tersebut menambat hati mereka untuk mencipta suatu karya yang baru. Ilham yang bersumber dari cerita Panji itu memikat mereka untuk mencontohi cereka tersebut termasuk penggunaan gaya bahasa.

4.6. Cebisan Panji Di Dalam Sastera Melayu Klasik

Episod-episod Panji yang nyata dapat ditemui di dalam HHT. Pada bab III dikisahkan bahawa adinda RGCK telah mengambil keputusan untuk mencari Galuh di Tanah Melayu;

"Maka Raden Wira Nantaja pun berkata kepada Persanta, "Adapun kita sekalian ini mencari kakak Galoh ini sudahlah rata segenap pulau tiada juga bertemu. Khabarnya pun tiada. Adapun sekarang ini kita hendak pergi ke tanah Melayu pula, kerana kudengar tanah Melayu itu ada seorang raja terlalu adil dan murahnya dan periksanya. Adapun asal raja itu dari keinderaan."³⁴

³⁴ op.cit.hal.55

Episod anak raja Daha datang mencari Galuh sehingga ke Tanah Melayu juga terdapat di dalam HMTJK. Raden Inu Daha yang datang ke Tanah Melayu dalam kisah ini ialah Raden Kesuma Agung yakni bekanda kepada RGCK. Episod begini lazimnya hanya terdapat di dalam cerita Panji Melayu yang sememangnya diketahui telah memasukkan unsur-unsur tempatan bagi menyesuaikan cerita tersebut dengan masyarakat tempat di samping dapat menarik perhatian mereka untuk terus menikmati cerita-cerita tersebut.

Episod kedatangan Raden Wira Nantaja ke Tanah Melayu ini dianggap oleh Poerbatjaraka sebagai "seolah-olah dicabut dari hubungannya (cerita Malat) lalu disisipkan dalam Hang Tuah"³⁵ Namun begitu kehadiran episod ini di dalam HHT tidak hanya sekadar tempelan seperti yang didakwa itu. Ini kerana episod ini mempunyai peranan dalam perkembangan kisah HHT. Episod ini juga dianggap oleh kebanyakan sarjana sebagai satu cerminan peristiwa Pa-Malayu³⁶

³⁵ Poerbatjaraka (terj.Zuber Usman & H.B Jasin).1968. **Tjerita Panji Dalam Perbandingan**. Gunung Agung.Jakarta.hal.383

³⁶ ibid.383-384

Dalam episod Raden Inu Daha ke tanah Melayu ini juga diceritakan putera Jawa tersebut dikatakan secara langsung telah terlibat membantu Sang Sapurbar mencari tapak yang sesuai bagi membuka negeri. Dia juga telah dianugerahkan gelaran sebagai Ratu Melayu oleh Sang Sapurba.³⁷

Perlukisan episod ini amat menarik kerana penuh dengan unsur-unsur kepanjiannya. Umpamanya watak Raden Wira Nantaja digambarkan sebagai seorang putera yang kacak dan menarik perhatian wanita seperti lazimnya watak Inu digambarkan dalam cerita Panji;

"...maka segala perempuan dalam negeri Bentan itu pun terlalu berahi akan Raden Wira Nantaja itu. Maka sekalian yang beranak meninggalkan anaknya berlari-lari pergi melihat dan sekalian yang baharu berlaki sedang tengah bergurau dengan lakinya berlari-lari tinggalkan lakinya; segala yang bersaudara tinggalkan saudaranya. Ada yang berlari sambil memakai kain, ada yang terurai-urai rambutnya tiada tersanggul, ada yang terdada-dada sambil berlari-lari, katanya "Susuku inilah akan persembahanku kepada Raden Inu, biarlah aku tiada makan sehari".³⁸

Kepentingan episod ini juga terlihat apabila pengarang melibatkan seorang tokoh putera dari Jawa untuk membuka negeri Melaka. Ini menunjukkan betapa pentingnya Jawa sehingga untuk mencari dan menentukan sebuah tapak bagi

³⁷ Gelaran Ratu Melayu di dalam HMTJK digunakan untuk merujuk kepada raja Melayu

³⁸ op.cit.hal.61

mendirikan negeri yang baik memerlukan sokongan orang-orang Jawa. Namun begitu dari sudut yang lain, pengarang HHT menggunakan episod tersebut untuk menggambarkan bahawa Melaka akan menjadi sebuah kerajaan yang berjaya sehebat empayar Jawa.

Namun begitu pada episod-episod selanjutnya di dalam HHT, terlihat perubahan tanggapan pengarang terhadap orang-orang yang berasal dari Jawa. Watak Patih Kerma Wijaya yang lari dari Lasem merupakan seorang pembesar yang iri hati dan pendengki sehingga akibat fitnah yang ditaburnya Raja Melaka pernah dua kali menjatuhkan hukuman mati ke atas Hang Tuah. Musuh-musuh dari luar selain Siam, adalah Majapahit (wakil Jawa). Betara Majapahit dan Patihnya sentiasa mencari jalan untuk menewaskan Hang Tuah dan memalukan Raja Melaka. Namun begitu mereka tidak pernah berjaya melaksanakan rancangan tersebut. Selepas Raja Melaka mengahwini Tun Teja dendam Betara Majapahit bertambah kerana menganggap Raja Melaka sengaja menduakan anakandanya Raden Emas Ayu.

Ternyata pengarang HHT sengaja memasukkan episod ini dengan tujuan-tujuan tertentu yang disedarinya. Ia bukan merupakan suatu tempelan semata-mata, apatah lagi sebagai 'sampah-sarap' seperti yang dicanangkan oleh Winstedt. Dalam hal ini pengarang tersebut sengaja mahu membandingkan kehebatan kerajaan-kerajaan Jawa dengan Melaka. Apabila seorang anak raja besar dari Jawa turut sama membantu membuka negeri dan peristiwa tersebut berlaku dengan penuh keajaiban, apabila anjing pemburu putera itu ditendang oleh pelanduk

putih, maka ia menjadi satu petanda yang baik bahawa negeri tersebut akan menjadi sebuah negeri yang gemilang.

Kemudian pengarang sengaja meletakkan orang-orang Jawa sebagai musuh utama kerajaan Melaka sama ada di dalam atau pun di luar negeri itu dan mereka ini tidak pernah mendapat kejayaan. Pengarang sengaja merendah-rendahkan martabat orang-orang Jawa dan khasnya Majapahit dengan cerita-cerita tersebut. Di sini terlihat kekreatifan dan kebijaksanaan pengarang HHT yang telah mengubah dan mengubah sesuatu yang baru dari sumber-sumber cerita Panji dan Jawa demi kepentingan serta kehebatan HT dan Melaka.

Kecenderungan pengarang menyamakan kecemerlangan Melaka dengan Majapahit malah kemudian mengangkatnya lebih tinggi daripada kerajaan itu mempunyai fungsi-fungsi tersirat. Ia bertujuan untuk meletakkan Hang Tuah dan sekaligus Melaka sebagai sebuah negeri yang hebat serta tiada tolok bandingnya. Kebangkitan Melaka selepas kemerosotan kerajaan Majapahit sebagai sebuah negara kota yang besar menambahkan lagi keyakinan bahawa pengarang memasukkan episod-episod tersebut secara sedar.

Kehebatan Hang Tuah dalam cerita ini yang sentiasa dipertentangkan dengan musuh-musuh dari Jawa adalah kerana pengarang mahu membandingkannya dengan tokoh tertentu dari kerajaan Jawa seperti Raden Inu atau Damar Wulan. Walaupun dia adalah rakyat biasa dan bukan berdarah dewa seperti

watak wira CP (Contohnya dalam HMTJK, HCWP); dia tetap mampu menonjolkana kehebatannya sama seperti tokoh-tokoh tersebut.

Hubungan Melaka-Jawa di dalam **SM** telah ada sejak zaman Sang Sapurba di Bukit Seguntang lagi. Dalam episod yang kedua diceritakan bagaimana Betara Majapahit telah dikahwinkan dengan Tuan Puteri Cendera Dewi, anak Sang Sapurba. Pengarang **SM** juga menyebut bahawa Betara Majapahit itu dari keturunan **Putra Asmara Ningrat**.³⁹

"Pada suatu ceritera baginda itu daripada anak cucu **Putra Asmara Ningrat**. Setelah datang ke Tanjung Pura, maka sangat dipermuliakan oleh Sang Sapurba, maka diambil baginda akan menantu dikahwinkan dengan Tuan Puteri Candera Dewi adik Tuan Puteri yang ke Benua Cina itu. Telah sudah kahwin lalu dibawa baginda kembali ke Majapahit...Syahdah daripada anak cucu baginda itulah turun-temurun jadi raja di Majapahit."⁴⁰

Dalam hal ini pengarang dengan bijak menggunakan unsur Majapahit (Jawa) yang mengandungi unsur-unsur implisit yang memberikan kesan kepada kisah-kisah selanjutnya. Perancangan yang dibuat untuk memasukkan cerita ini pada bahagian awal telah dapat meyakinkan pembaca apabila Betara Majapahit kemudiannya dengan mudah menerima peminangan Sultan Mansur Syah untuk disatukan dengan Raden Galuh Cendera Kirana.

³⁹ .nama ini di dalam **Kekawin Smaradhana** adalah ditujukan kepada Raden Inu.

⁴⁰ op.cit.hal.23-24

Begitu juga Raja China yang dengan mudah telah menerima peminangan Raja Melaka, malah telah menghantarkan puterinya ke Melaka sebagai tanda mengakui kedaulatan kerajaan Melaka.⁴¹ Ringkasnya sejak awal lagi pengarang telah merancang dan ingin meletakkan persamaan taraf dan kedaulatan antara negeri-negeri tersebut. Sehingga di Majapahit dikatakan keturunan daripada benih puteri Sang Sapurbalah, Tuan Puteri Cendera Dewi, (sekaligus dari keturunan Bukit Siguntang) yang telah menguasai pemerintahan kerajaan Jawa (Majapahit)

Pada ceritera yang kelima pula diceritakan bagaimana Raden Inu Mertawangsa⁴² (cucu Sang Sapurba - anak TPCD) yang menggantikan ayahandanya di Majapahit telah mendengar kebesaran negeri Singapura yang diperintahkan Paduka Seri Pikrama Wira (Raja Kecil Besar) tidak menghantar utusan kepadanya. Salah faham yang timbul antara keduanya, akibat salah tafsir raja Singapura terhadap sekeping tatal yang dikirimkan oleh Betara Majapahit itu, telah mengakibatkan berlakunya perperangan. Peristiwa inilah yang telah merenggangkan hubungan antara kedua buah negeri tersebut dan telah menyemaikan benih-benih permusuhan yang berlarutan.

⁴¹ .lihat **SM**, ceritera ke 15.hal.93-98

⁴² .nama watak ini sering ditemui dalam CP; misalnya dalam HMTJK nama ini digunakan oleh Raden Merta Negara semasa pengembalaan bersama Panji.

Apabila keturunan TPCD mulai hilang, Majapahit dikatakan diperintah oleh seorang raja perempuan, Raden Galoh Wi Kesuma, pengarang kembali merapatkan hubungan tersebut dengan memasukkan watak Kimas Jiwa (Raden Kirana Langu anak Ratu Tanjung Pura, piut Sang Maniaka, adinda SS) yang hanyut ke Majapahit lalu diambil sebagai anak angkat oleh seorang penyadap. Keturunan dari Bukit Seguntang ini kemudiannya telah dilantik menjadi Ratu Majapahit dengan gelaran Sang Aji Jaya Ningrat. Kesannya keturunan Bukit Seguntang akhirnya semakin kukuh menguasai empayar Majapahit (Jawa)⁴³

Di dalam **SM**, terdapat satu episod yang panjang yang menceritakan tentang Sultan Mansur Syah pergi meminang RGCK (puteri Betara Majapahit). Tokoh GCK yang diketahui umum adalah wirawati cerita-cerita Panji. Pengarang sengaja mengambil nama tokoh tersebut kerana nama itu membawa makna yang tersendiri. Khalayak dalam masyarakat Melayu tradisi mudah mengenali watak ini dan dapat menggambarkan kecantikan puteri tersebut sehingga menjadi rebutan para ratu lainnya.

Namun begitu amat malang bagi puteri tersebut kerana keturunannya di Melaka, yakni anakandanya Raden Kelang telah mati ditikam oleh orang mengamuk. Secara tidak disedari pengarang seolah-olah tetap tidak mahu menyerahkan tahta kerajaan Melaka kepada benih orang Jawa lalu mematikan watak tersebut. Kematian

⁴³ .Dalam ceritera ke 14 dikatakan sewaktu pemerintahan Sang Aji Jaya Ningrat (Betara Majapahit) itu, adinda-adindanya memerintah di Daha dan Tanjung Pura....ketika itu ratu Daha dan ratu Tanjung Pura adik kepada Betara Majapahit ."(**SM**:87)

watak tersebut telah mengembalikan hak pewarisan tahta kerajaan Melayu Melaka kepada keturunan raja-raja Melayu sejati yakni Raja Hussin (Sultan Allauddin Riayat Syah).

Oleh kerana itu terlihat episod-episod selanjutnya yang berkaitan hubungan Melaka dan Majapahit, tidak pernah memberikan kemenangan kepada Majapahit (Jawa). Apabila RGCK hendak dikahwinkan dengan SMSy, Betara Majapahit juga telah mengambil kira faktor persamaan keturunan dari Bukit Seguntang itu. Begitulah bagaimana pengarang **SM** telah dengan bijaksana mengubah ambilan cerita atau fakta sejarah yang pernah diketahuinya lalu disesuaikan dengan kehendak jalan cerita **SM**.

Sewaktu mengadakan persiapan untuk majlis perkahwinan Sultan Mansur dan RGCK, pengarang menceritakan tentang permainan-permainan yang dimainkan dengan cara Jawa;

"...ada yang bertandak, ada yang mengigal, ada yang berserama, ada yang berwayang, ada yang merakat, ada yang berperang pupuh, ada yang mengidung, ada yang berkekawin..."⁴⁴

⁴⁴ .ibid.hal.89

Dalam episod sultan Melaka ke Majapahit ini, gambaran tentang Hang Tuah sebagai tokoh yang digilai oleh wanita mengingatkan kembali kepada episod-episod cerita Panji yang memberi gambaran sedemikian kepada Inu sebagai 'dewa asmara'

"Adapun akan Laksamana Hang Tuah, barang tempat ia pergi gegak gempita bunyi orang daripada hebat melihat sikap lakunya. Jika ia di paseban, paseban gempar, jika ia di panggungan, panggungan gaduh, dan segala perempuan anak dara-dara, jikalau ia berjalan ke pasar atau barang ke mana, banyaklah yang gila akan Hang Tuah itu, dan apabila Hang Tuah lalu, perempuan yang di dalam pangkuhan lakinya itu pun bangun hendak melihat Hang Tuah; itulah yang dipantunkan Jawa, demikian bunyinya;

Onya suruh tanggapana penglipur; saben dina katon perandene duka ugi

Yakni:ini sirih sambut olehmu, akan penglipur rasa berahi sehari-hari dilihat, sungguh demikian pun rindu juga.

Iwer sang rara kabih dene Laksamana lumaku-lumaku penjurit ratu Melayu.

Sabur segala anak dara-dara melihat Laksamana berjalan, hulubalang raja Melaka.⁴⁵

Gambaran-gambaran di atas dilakukan oleh pengarang untuk menyesuaikan cerita dengan latar peristiwa tersebut iaitu di Majapahit.

⁴⁵ ibid.hal.88.

Sementara di dalam SDS, terdapat satu episod tentang ITp yang terpaksa dihanyutkan atas nasihat para nujum. Episod ini mengingatkan khalayak tentang peristiwa lelayon Ken Tambuhan (HAP dan SKT) dilayarkan di dalam rakit setelah dibunuh atas arahan permaisuri. Inu yang menjumpai lelayon tersebut telah membunuh diri demi kesucian cintanya. Begitu pula yang terjadi kepada DS yang terjun ke laut mengikut rakit ITp demi kesetiaannya terhadap puteri itu.

Satu lagi episod cerita Panji yang menarik dan memberi pengaruh ke atas karya sastera Melayu ialah adegan-adegan kamar. Umpamanya dalam HMTJK; adegan Inu memujuk dan mencumbui Ken Segerba Ningrat

"Setelah sudah mandi, maka disambut Sira Panji diribanya, dipeluk dan dicium seluruh tubuh isterinya. Katanya. "Aduh! Ariningsun, emas tempawan, dewa susunan, ratna pekaca, kusuma gunung, sukanya hatipun kakang oleh bersama-sama tuanku nyawaku ini...⁴⁶

Di dalam cereka Melayu episod itu jarang ditemui dan jika adapun pengarang lebih suka memilih gaya yang tertutup untuk menggambarkan adegan-adegan tersebut. Contohnya dapat dilihat para rangkap puisi dibawah;

⁴⁶ .lihat op.cit.hal.140-144

- I. Maklum saja orang yang muda-muda
Sudah bertemu asyik di dalam dada
Seperti semut dengannya gula
Seperti kelkutu dengan pelita
Sudah sampai siangnya hari
Depapun bangun bangkit seperti laki isteri...
- Sudah santap sirih di puan baiduri
Dipegang tangan dipimpin jari
Dimasuk bilik di dalam anjung istana puri
Singkap kelambu ya'akob intan baiduri
Gemerlapan cahaya seperti bulan dengan matahari
Berkaparan tidur seperti laki isteri
Malam dan siang tiada membuta
Sangat letih sendi anggota⁴⁷
- II. Sedang berperang Maharaja Singa,
Pegawai lari memanjat kayu,
Laksana kumbang menyeri bunga,
Kumbang terbang bungapun layu.

Maka tuanku Malim Deman bersenda gurau dengan
Tuan Puteri Bongsu, pujuk, pangku, belai, menghabiskan
pengarang kesukaannya tujuh hari tujuh malam bermain bersuka-
sukaan.⁴⁸

Jawa-Pancasila

Inilah mungkin salah satu

Namun begitu tidak dapat dinafikan ada juga pengarang Melayu tradisi
yang terpengaruh dengan 'gaya' ini seperti yang terpancar dalam SDS. Adegan-
adegan kamar tersebut melibatkan watak-watak DS dan ITp, DIS-ITp, SBI-ITp dan
BMP-ITp. contohnya;

⁴⁷ .Jamilah Ahmad; 1987. *Cerita Sulung Jawa*; DBP;K.L; hal.37-38

⁴⁸ .Pawang Ana,op.cit.hal.40

Dipeluk dicium serta diriba
Adikku angsun Indrera Segerba
Abang nan mabuk bagai dituba
Dengan gusti membuat selamba

Terlalu belas puteri bangsawan
Melihat Dandan punya kelakuan
Segeralah santap sirih di puan
Sepah disambut kekanda tuan

Bertemu mulut sepah disambutnya
Serta dicium kedua pipinya
Tiadalah dua kepada rasanya
Kasih dan sayang dengan mesranya⁴⁹

Perbincangan-perbincangan di atas jelas memperlihatkan bahawa pengarang-pengarang Melayu mempunyai kreativiti memanipulasi sumber-sumber Jawa-Panji ke dalam karya mereka. Dalam masa yang sama pengarang-pengarang ini mampu mengikut skema-skema yang telah ditetapkan oleh anggota masyarakatnya. Sumber-sumber yang mereka perolehi itu telah dipilih, disaring dan diadaptasikan ke dalam karya dengan fungsi dan penafsiran yang baru yang sesuai dengan kehendak khalayak tempatan.

⁴⁹ .op.cit.hal.380-381

4.7. KESIMPULAN

Perbincangan-perbincangan dalam bab ini memperlihatkan beberapa kesimpulan yang penting. Rumusan utama yang dapat dibuat berdasarkan penelitian ini ialah keseluruhan unsur-unsur sama ada tema, struktur penceritaan, watak perwatakan atau gaya bahasa yang dikatakan mendapat pengaruh daripada cerita Panji bukanlah merupakan unsur yang mencacatkan karya. Cerita Panji sememangnya mempunyai daya tarik yang kuat ke atas penghasilan cereka-cereka Melayu klasik. Serpihan-serpihan cerita tersebut yang diambil oleh pengarang Melayu untuk diadunkan ke dalam cereka-cereka Melayu tradisi menambahkan keindahan karya-karya tersebut.

Tema, jalinan cerita serta watak perwatakan dalam kesemua cerita ini mengarah kepada satu konsep sama yakni sebagai konotasi kepada keseluruhan kehidupan manusia di dunia. Terdapat satu kesejagatan falsafah kehidupan di antara manusia Melayu dan Jawa. Falsafah tersebut bertujuan untuk pengajaran moral bagi membentuk manusia Melayu dan Jawa yang beretika dan bertatacara murni. Hal ini perlu bagi mengharmoniskan suasana dalam masyarakat.

Cerita Panji mengisahkan tentang manusia di bumi sebagai jelmaan daripada dewa-dewa di alam kayangan. Konsep yang hampir sama juga wujud dalam

ajaran agama Islam. Menurut ajaran Islam, roh manusia sememangnya wujud sebelum jasad manusia dicipta. Kemudian apabila benih ibu dan bapa bersatu di dalam rahim ibu, maka Allah meniupkan roh tersebut ke dalam janin yang suci itu.

Kebanyakan peristiwa penjelmaan para dewa dari alam kayangan ke dunia (walaupun diambil dari ajaran Hindu) menampakkan persamaan dengan ajaran Islam ini. Namun begitu dewa/dewi itu hanya menjelma di dalam rahim permaisuri-permaisuri raja yang tinggi martabatnya. Kedua-dua bentuk cereka (cerita Panji dan Melayu klasik) ini memperlihatkan pernyataan bahawa manusia dilahirkan dalam keadaan yang suci daripada sebarang dosa. Namun dalam perjalanan hidupnya manusia seringkali lalai lalu melanggar peraturan serta tatacara kehidupan yang murni. Hal tersebut berlaku akibat desakan nafsu-nafsu tamak, dengki dan terburuburu yang membawa kepada kemusnahan keharmonian hidup. Manusia mesti mengharmoniskan keadaan itu semula dengan berusaha bersungguh-sungguh, insaf serta tidak mengulangi kembali kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

Perbincangan-perbincangan di atas juga menunjukkan bahawa di dalam kehidupan manusia di dunia ini, mereka terpaksa menempuh pelbagai dugaan untuk menguji kekuatan peribadi mereka. Hanya manusia yang berjaya menahan dan melepassi rintangan-rintangan tersebut sahaja akan mendapat kebahagian.

Sementara melalui perbandingan watak dan perwatakan, pancaran kehebatan Inu serta Galuh yang diadun ke dalam karya sastera Melayu tradisi kebanyakannya digunakan untuk tujuan memperjelaskan perlukisan watak-watak yang dicipta. Ini dilakukan dengan membuat perbandingan sama ada secara langsung mahu pun secara tidak langsung. Ini dilakukan oleh pengarang kerana watak-watak cerita Panji itu memang telah dikenali umum. Pemilihan sifat-sifat Inu, Galuh atau watak lainnya dari cerita Panji untuk digarapkan ke dalam cereka Melayu adalah didasarkan kepada sifat-sifat yang dapat dijadikan teladan oleh khalayak tempatan.

Setiap unsur yang dipilih oleh pengarang Melayu dari sumber-sumber luar (cerita Panji-Jawa) pada umumnya tidak lagi berdiri di dalam karya-karya Melayu klasik dengan makna asalnya. Sebaliknya setiap unsur tersebut telah dipilih, disaring kemudian dijalin dan diadun ke dalam cereka Melayu dengan makna dan peranan yang berbeza.

Umpamanya perbincangan pada 4.7 memperlihatkan pengaruh cerita Panji ke atas karya agung Melayu klasik mempunyai peranan untuk mengangkat martabat kerajaan-kerajaan Melayu di mata dunia. Di satu pihak yang lain ia digunakan untuk mempersenda-sendakan empayar yang besar khasnya Majapahit.

Perubahan, penambahan atau pengurangan ke atas episod-episod dari cerita Jawa-Panji yang terpilih itu dibuat oleh pengarang secara sedar. Ia memperlihatkan kekreatifan pengarang menyisipkan episod-episod itu untuk diadun dengan budaya dan nilai-nilai tempatan supaya dapat diterima oleh masyarakat Melayu ketika itu. Pengubahsuaiannya episod-episod tersebut juga telah menghasilkan cerita-cerita baru yang mempunyai keistimewaan tersendiri yang berbeza daripada kisah yang dipaparkan di dalam cerita-cerita Panji.

Ringkasnya, percikan cerita Panji yang terlihat di dalam cereka-cereka Melayu klasik mempunyai keistimewaan tersendiri dalam perkembangan kesusastraan Melayu klasik. Pewarnaan dari cerita Panji tersebut yang terpancar melalui unsur-unsur yang membina cereka Melayu sama sekali tidak mencacatkan keindahan karya. Unsur-unsur tersebut secara tidak langsung dapat menarik perhatian khalayak Melayu tradisi untuk menikmati karya. Ia juga menjadi salah satu alternatif lain bagi khalayak Melayu selain menikmati cerita-cerita Panji yang penuh unsur kejawaan itu.